



LAPORAN TAHUNAN 2024

JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SELANGOR





LAPORAN TAHUNAN 2024

JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SELANGOR



Laporan Tahunan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau bagi tujuan - tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber yang dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau apa - apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

ISSN 3120-3329

Hak Cipta Terpelihara

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

Tingkat 12 – 14, Wisma Sunway, Jalan
Tengku Ampuan, Zabedah C9/C, Seksyen 9,
Selangor, 40100, Shah Alam

Tel: 03-5521 4000

Fax: 03-5519 4788

KANDUNGAN

01

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.1 Sumber Manusia	2
1.2 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	4
1.3 Carta Organisasi	8
1.4 Sumber Kewangan	9

03

PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING DAN INPUT PEMBANGUNAN

3.1 Pemprosesan Laporan EIA	31
3.2 Penguatkuasaan dan Pemantauan Projek EIA	35
3.3 Pemeriksaan Bersepadu bersama Agensi Teknikal Lain bagi Projek pembangunan	37
3.4 Projek Kuari	38
3.5 Pemantauan Kualiti Udara dan Bunyi Bising Projek EIA	39
3.6 Ulasan Projek Pembangunan	40
3.7 Kebenaran Bertulis Seksyen 19	43
3.8 Pemeriksaan Pra Pelesenan	44
3.9 Lesen di bawah Seksyen 18	45
3.10 Lesen Pelanggaran Seksyen 22(1)	46
3.11 Lesen Pelanggaran Seksyen 25(1)	46
3.12 Kebenaran Bertulis Peraturan 23, PPKAS (EP) 2009	47
3.13 Kebenaran Bertulis Peraturan 15, PPKAS (kumbahan) 2009	47

05

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

5.1 Ceramah dan Pameran	89
5.2 Seminar, Taklimat dan Kolokium	97
5.3 Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar	102
5.4 Sambutan Hari Bumi	
5.5 Sambutan Hati Alam Sekitar Sedunia	106
5.6 Sambutan Hari Ozon	108
5.7 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara	110
5.8 Program Pengumpulan E-Waste	112
5.9 Lain-lain perkhidmatan	115

02

PENGAWASAN

2.1 Pengawasan Kualiti Air Sungai	11
2.2 Status Lembangan Sungai	14
2.3 Status Kualiti Air Sungai Mengikut Parameter Pencemar	16
2.4 Indeks Kualiti Air Marin Malaysia	20
2.5 Status Kualiti Udara	24
2.6 Status Kualiti Air Tanah	26

04

KAWALAN PENCEMARAN & PENGUATKUASAAN

4.1 Kawalan Pencemaran PYBDT	49
4.2 Tindakan Penguatkuasaan PYBDT	51
4.3 Penguatkuasaan Pengimportan Kontena Plastik dan Buangan Terjadual	52
4.4 Kawalan Pencemaran PYDT <ul style="list-style-type: none">• Kilang Kelapa Sawit• Kilang Getah Asli Mentah• Kemudahan Pengolahan, Pemerolehan Kembali dan Pelupusan Buangan Terjadual	54
4.5 Penggunaan Sistem eSWIS	60
4.6 Kawalan Terhadap Pembakaran Terbuka	61
4.7 Pengurusan Kebakaran Tanah Gambut	63
4.8 Aduan Pencemaran	71
4.9 Kawalan Pelepasan dari Enjin Diesel	75
4.10 Kawalan Pelepasan Gas dan Bunyi Bising Motorsikal	80
4.11 Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel	82
4.12 Kawalan Pengurusan Refrigeran	83
4.13 Tindakan Mahkamah	84
4.14 Tindakan Kompaun	85

06

RANGKUMAN AKTIVITI

Gambar Aktiviti	120
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

BAB 1 PENTADIRAN DAN KEWANGAN

1.1 Pengisian Jawatan Sehingga 31 Disember 2024	2
1.2 Jumlah Peruntukan Mengurus dan Pembangunan	8
1.3 Perbandingan Kutipan Hasil 2023 dan 2024	9

BAB 2 PENGAWASAN ALAM SEKITAR

2.1 Senarai Lembangan Sungai Utama dan Bilangan Stesen	11
2.2 Kategori Sungai Berdasarkan IKA	12
2.3 Pengelasan Sungai Berdasarkan IKA	13
2.4 Kelas Sungai dan Kesesuaian Penggunaan	20
2.5 Pengelasan Kategori Berdasarkan IKAMM	22
2.6 IKAMM bagi Pantai, muara dan Pulau 2020 - 2024	23
2.7 Pengisian Jawatan Sehingga 31 Disember 2024	25
2.8 Senarai Stesen Pengawasan Marin dan Status	27
2.9 Lokasi dan Peratusan Kualiti Udara	27
2.10 Kategori Kualiti Air Tanah Berdasarkan IKAT	27

BAB 3 PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING DAN INPUT PEMBANGUNAN

3.1 Kategori dan Bilangan Permohonan Kebenaran Bertulis	43
3.2 Kategori dan Bilangan Permohonan Lesen	45

BAB 5 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

5.1 Senarai Pameran	90
5.2 Senarai Ceramah	92
5.3 Senarai Seminar, Taklimat dan Kolokium	97
5.4 Senarai Sekolah Menyertai Program SLAAS	103
5.5 Senarai Program Hari Bumi	106
5.6 Senarai Program Hari Alam Sekitar Sedunia	108
5.7 Senarai Program Hari Ozon	110
5.8 Senarai Program Hari Alam Sekitar Negara	112
5.9 Senarai Program Pengumpulan E-Waste	115



BAB 2 PENGAWASAN ALAM SEKITAR

2.1	Lembangan Sungai Utama di Negeri Selangor	11
2.2	Formula Pengiraan IKA	12
2.3	Tren Kualiti Air Lembangan Sungai Utama 2020 - 2024	12
2.4	Tren Purata Pepejal Terampai di Lembangan Sungai Utama	16
2.5	Tren Parameter AN di Lembangan Sungai Utama	17
2.6	Tren Parameter BOD di Lembangan Sungai Utama	18
2.7	Tren Parameter COD di Lembangan Sungai Utama	19
2.8	Formula Pengiraan IKAMM	20
2.9	Lokasi Stesen Pengawasan Air Marin	21
2.10	Status Kualiti Udara	24
2.11	Lokasi Stesen Pengawasan Air Tanah	26

BAB 3 PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING DAN INPUT PEMBANGUNAN

3.1	Bilangan Laporan EIA diterima dan diproses dari tahun 2020 - 2024	31
3.2	Pecahan Bilangan Laporan EIA Mengikut Aktiviti	32
3.3	Status Keputusan Laporan EIA yang diterima	33
3.4	Status Pematuhan Projek EIA	36
3.5	Tindakan Penguatkuasaan Projek EIA Tahun 2024	36
3.6	Tindakan Penguatkuasaan Projek EIA Tahun 2014 - 2024	37
3.7	Jumlah Projek Pembangunan Diterima Tahun 2015 - 2024	41
3.8	Status Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024	41
3.9	Jumlah Projek Pembangunan Diterima Mengikut Daerah	42
3.10	Jenis Permohonan Projek Pembangunan Diterima	42
3.11	Bilangan Permohonan Lesen Diterima Mengikut Industri	43
3.12	Bilangan permohonan berkaitan lesen diterima mengikut industri di Negeri Selangor bagi tahun 2024.	45

BAB 4 KAWALAN PENCEMARAN & PENGUATKUASAAN

4.1	Peratusan Pemeriksaan Premis Industri Bagi Kategori Seksyen Pembuatan	51
4.2	Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas PYBDT	51
4.3	Statistik Tindakan Penguatkuasaan Kilang Kelapa Sawit	54
4.4	Bilangan PYDT BT yang dilesenkan 2024	57
4.5	Statistik Tindakan Penguatkuasaan PYDT BT	57
4.6	Perbandingan Penggunaan Sistem eSWIS bagi tahun 2023 dan 2024	58
4.7	Jumlah Aduan Pembakaran Terbuka Berdasarkan Jenis Punca	60
4.8	Jenis Aduan Pencemaran Yang Diterima Sepanjang Tahun 2024	71
4.9	Jenis Aduan Pencemaran Udara yang Diterima Sepanjang Tahun 2024	72
4.10	Pecahan Aduan yang Diterima Mengikut Daerah Bagi Tahun 2024	73

4.11	Status Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Berenjin Diesel Bagi Tahun 2020-2024	76
4.12	Bilangan Kompaun Mengikut Jenis Kenderaan bagi Tahun 2024	77
4.13	Perbandingan Kenderaan yang Dikeluarkan Notis 48A dan Hadir Uji Semula bagi Tahun 2020-2024	77
4.14	Perbandingan Antara Bilangan Visual dan Notis 48A Mengikut Jenis Kenderaan bagi Tahun 2024	78
4.15	Status Penguatkuasaan Pelepasan Gas dan Bunyi Bising Motosikal bagi Tahun 2020-2024	80
4.16	Peratusan Kes Dikendalikan Mengikut Lokasi Mahkamah di Negeri Selangor Tahun 2024	84
4.17	Bilangan Kompaun yang Telah Ditawarkan	85
4.18	Bilangan Kompaun Yang Telah Ditawarkan Mengikut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, serta Kutipan Denda Bagi Tahun 2024	86
4.19	Peratusan Kompaun Yang Ditawarkan mengikut Jenis Kegagalan Pematuhan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya bagi Tahun 2024	86

BAB 5 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

5.1	Proses Penyertaan & Penilaian Sekolah Lestari Setiap Peringkat	102
5.2	Komponen Dalam Penilaian SLAAS	102
5.3	Lain-lain Perkhidmatan dan aktiviti Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar	118

SENARAI FOTO



2 PENGAWASAN ALAM SEKITAR

- | | | |
|-----|---|----|
| 2.1 | Persampelan Air Tanah di Stesen Air Tanah Negeri Selangor | 29 |
|-----|---|----|

3 PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING DAN INPUT PEMBANGUNAN

- | | | |
|-----|--|----|
| 3.1 | Pemeriksaan Lapangan Bagi Cadangan Projek Pembangunan EIA | 34 |
| 3.2 | Lawatan Ke Tapak Projek Bersama Agensi Teknikal | 37 |
| 3.3 | Pemeriksaan bagi Aktiviti Pengkuarian di Negeri Selangor pada Tahun 2024 | 38 |
| 3.4 | Aktiviti pemantauan kualiti udara dan bunyi bising bagi projek EIA yang menerima aduan dari penduduk berhampiran | 39 |
| 3.5 | Pemeriksaan Pra Pelesenan bagi Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan | 44 |

4 KAWALAN PENCEMARAN & PENGUATKUASAAN

- | | | |
|------|---|----|
| 4.1 | Pemeriksaan Ke Atas Kontena Yang oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor | 52 |
| 4.2 | Pemeriksaan Ke Atas Kontena Yang Membawa barang dagangan disyaki mengandungi bahan buangan terjadual | 53 |
| 4.3 | Pemeriksaan Ke Atas Kontena Yang Membawa Buangan Terjadual jenis buangan pemasangan elektrik dan elektronik yang dikategorikan sebagai Buangan Terjadual SW 110 | 53 |
| 4.4 | Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Selangor | 55 |
| 4.5 | Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Selangor | 56 |
| 4.6 | Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual, Tahun 2024 | 59 |
| 4.7 | Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan | 61 |
| 4.8 | Pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah haram | 62 |
| 4.9 | Pembakaran terbuka melibatkan aktiviti pertanian | 62 |
| 4.10 | Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan | 63 |
| 4.11 | Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut Johan Setia | 63 |
| 4.12 | Kebakaran di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan | 64 |
| 4.13 | Prosedur Tetap Operasi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu | 64 |

SENARAI FOTO



4.14	Check dam jenis geobag dan spin wheel yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor	65
4.15	Kolam takungan yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor	65
4.16	Tube well yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor	66
4.17	Piezometer yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor	67
4.18	Menara tinjau di Hutan Simpan Raja Musa dan di Hutan Simpan Kuala Langat Utara	67
4.19	Papan tanda Larangan Pembakaran Terbuka di Daerah Klang, Johan Setia	68
4.20	Program Latihan Bomba Sukarelawan dalam Pengurusan Kebakaran di kawasan tanah gambut di kawasan Revolusi Hijau Johan Setia.	69
4.21	Program Jom!! Kenali Hutan Simpan Paya Gambut Raja Musa di Pusat Kecemerlangan Hutan Simpan Raja Musa	69
4.22	Kerjasama Penugasan rondaan di Johan Setia oleh JAS-APM dan pemantauan melalui menara tinjau di Hutan Simpan Kuala Langat Utara oleh RELA	79
4.23	Pemantauan aerial di kawasan tanah gambut terbakar menggunakan teknologi thermal drone. Titik merah menunjukkan kawasan yang masih mempunyai nyalaan & baraan api	79
4.24	Siasatan kes aduan premis pembuatan sarung tangan getah berdasarkan kod rujukan aduan AWAM-2024-06930	73
4.25	Siasatan kes aduan premis haram menjalankan aktiviti resin plastik dan kitar semula skrap acrylic	74
4.26	Operasi Statik dan Operasi Catat/Kamera Video yang telah dijalankan di Negeri Selangor	78
4.27	Operasi Penguatkuasaan Peraturan 16, terhadap Terminal Bas yang telah dijalankan Negeri Selangor	79
4.28	Operasi Penguatkuasaan Pelepasan Daripada Motosikal Yang Dijalankan Di Negeri Selangor	81
4.29	Persampelan Bahan Api Diesel EURO 5 di Depoh Simpanan Dan Stesen Minyak	82
4.30	Persampelan Bahan Api Diesel EURO 5 di Depoh Simpanan Dan Stesen Minyak	83

SENARAI FOTO

5 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

5.1	Aktiviti pameran dan ceramah yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024	96
5.2	Program seminar dan webinar Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepanjang tahun 2024	100
5.3	Program seminar dan webinar Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepanjang tahun 2024	101
5.4	Pemenang Program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2023/2024 Peringkat Negeri Selangor	105
5.5	Program sempena sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor	107
5.6	Program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor	109
5.7	Senarai Program Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor	111
5.8	Program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2024 Peringkat Negeri Selangor	114
5.9	Perpustakaan Digital Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	119



LATAR BELAKANG

VISI

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat

MISI

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara

FUNGSI

Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Bahagian IV, Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984

STRATEGI JABATAN

- 01 Pembangunan lestari melalui pemuliharaan sumber semulajadi;
- 02 Integrasi faktor alam sekitar dalam perancangan pembangunan
- 03 Kawalan dan pencegahan pencemaran;
- 04 Promosi pendidikan dan kesedaran alam sekitar;
- 05 Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Negeri; dan
- 06 Kerjasama dan hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

SIDANG REDAKSI



“Sidang Redaksi merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua atas sumbangan dan sokongan dalam menjayakan penerbitan laporan ini.”

PENAUNG

YBrs. Tuan Haji Wandu Yadzid Bin Haji Yaakob

KETUA PENERBITAN

Puan Fenny Wong Nyuk Yin

PENYELARAS KANDUNGAN DAN GRAFIK

Puan Nur Aliaa Shafie

KOORDINATOR

Puan Noorhasliana Sazali

PASUKAN EDITOR

Unit Pendidikan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

KANDUNGAN

1. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
2. Bahagian Pembangunan
3. Bahagian Operasi 1
4. Bahagian Operasi 2



PERUTUSAN PENGARAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2024. Sukacita saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAS Negeri Selangor atas segala usaha serta komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2024.

Laporan Tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan pencapaian Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepanjang tahun 2024 selaras dengan mandat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya berharap laporan ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan memberi manfaat kepada semua.

Jabatan akan terus komited dalam memacu ke arah pembangunan lestari sejajar dengan matlamat pembangunan mampan dan dasar Negeri Selangor. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja JAS Negeri Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Agensi-Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Industri, Swasta, Rakan Strategik Alam Sekitar, Rakan Alam Sekitar (RAS), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan setiap individu yang telah memberikan komitmen serta kerjasama erat dalam mendukung tanggungjawab memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan kita dan generasi akan datang.

Saya menyeru kepada semua untuk hargailah alam sekitar kita sementara ianya masih ada. Kita sebagai penjaga seharusnya mengembalikan harta yang tidak ternilai ini dalam keadaan yang asal untuk generasi kita akan datang.

NOR AZIAH BINTI JAAFAR s.i.s
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR



PENGURUSAN TERTINGGI



Dari kiri

**Mohd Faizul Hilmi
Bin Zulkifli**

Ketua Penolong Pengarah
Kanan, C13

**Nor Aziah Bt
Jaafar s.i.s**

Pengarah, C14

**Fenny Wong Nyuk
Yin**

Ketua Penolong Pengarah
Kanan, C13

**Che Rohaida Bt
Che Ngah**

Ketua Penolong Pengarah
Kanan, C12

**Nurhidayah Binti
Zainal Abidin**

Ketua Cawangan Sabak
Bernam, C10

**Al-Razi bin
Kamarudin**

Ketua Cawangan
Kajang, C10

Halmy Bin Sirat

Ketua Cawangan
Sepang, C10

**Nor Hayati binti
Mohamad Idris**

Ketua Cawangan
Gombak, C10

**Jantna binti
Mahrup**

Penolong Pegawai
Tadbir, N6

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN





BAB 1

1.1 SUMBER MANUSIA

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) diterajui oleh seorang Pengarah Gred C54 dan dibantu oleh dua (2) orang Ketua Penolong Pengarah Kanan Gred C52, seorang (1) Ketua Penolong Pengarah Gred C48, lapan (8) orang Pegawai Kawalan Gred C44 dan enam belas (16) orang Pegawai Kawalan Gred C41/C44. Di samping itu, kakitangan dalam kumpulan Pelaksana adalah seramai seratus tujuh (136) orang. Pengisian jawatan sehingga 31 Disember 2024 adalah seperti pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Pengisian Perjawatan Sehingga 31 Disember 2024


BIL	NAMA JAWATAN	GRED	BIL PERJAWATAN DILULUSKAN	ISI	KOSONG
1	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C54	1	1	-
2	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C52	2	2	-
3	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C48	1	1	-
4	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	8	8	-
5	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C41 / C44	16	16	-
6	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C40	1	1	-
7	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	3	3	-
8	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	J36 / C32	1	1	-
9	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	15	14	1



BAB 1

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	BIL PERJAWATAN DILULUSKAN	ISI	KOSONG
10	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C29 / C32	35	29	6
11	Penolong Jurutera	JA29	38	34	4
12	Juruteknik Kanan	J22	2	2	-
13	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1	1	-
14	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/F A32	1	1	-
15	Setiausaha Pejabat	N19	1	1	-
16	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) & (KUP)	N22/ N19	6	4	2
17	Pembantu Akauntan	W29 / W22 / W19	2	2	-
18	Pembantu Operasi	N11	2	2	-
19	Pemandu Kenderaan	H11	7	7	-
20	Pembantu Awam	H11	1	1	-
JUMLAH			144	131	13

1.2 PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024



Hanizah Binti Husin
Pegawai Kawalan Alam
Sekitar, C44



Amaluzzaman bin Muhammad
Pegawai Kawalan Alam
Sekitar, C44



Adzlan bin Abdul Latib
Pegawai Kawalan Alam
Sekitar, C44



Mohd Ridzuan bin Zainal
Penolong Pegawai Kawalan
Alam Sekitar, C32

1.2 PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024

Khairul Nizar bin Baseron
Penolong Pegawai Kawalan
Alam Sekitar, C32



Jantna binti Mahrup
Penolong Pegawai Tadbir,
N32



Adham bin Arifin
Penolong Pegawai Kawalan
Alam Sekitar, C29



**Mohamad Amir Bazali bin
Shamsuddin**
Penolong Pegawai Kawalan
Alam Sekitar, C29

1.2 PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024



Mohamad Amir bin Yusof
Penolong Jurutera, JA29






Noor Hamiezah binti Abdul Razak
Penolong Jurutera, JA29



BAB 1

CARTA ORGANISASI





1.3 SUMBER KEWANGAN

PERUNTUKAN DITERIMA DAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2024, JAS Negeri Selangor telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM 12,345,149.87. Manakala bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM 192,910.80 telah diterima. Jumlah peruntukan yang diterima dan telah dibelanjakan bagi peruntukan Mengurus dan Pembangunan pada tahun 2024 adalah seperti pada Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi peruntukan Mengurus dan Pembangunan 2024

JENIS PERUNTUKAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
MENGURUS	12,345,149.87	12,676,649.87
PEMBANGUNAN	192,910.80	192,910.80

1.4 KUTIPAN HASIL

Pada tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah memperolehi kutipan hasil berjumlah RM 1,056,935.57. Jadual 1.3 menunjukkan Jenis Kutipan Hasil dan perbandingan jumlah kutipan hasil bagi tahun 2023 dan 2024.

Jadual 1.3: Perbandingan Jumlah Kutipan Hasil Bagi Tahun 2023 dan 2024

JENIS KUTIPAN HASIL	TAHUN 2023 (RM)	TAHUN 2024 (RM)
Bayaran Hasil Mahkamah	907,750.00	911,100.00
Bayaran Kompaun	103,126.90	93,429.65
Bayaran Lesen	-	-
Jualan Buku	35.00	25,400.00
Jualan Harta Benda Kerajaan	-	-
Lain-Lain Jualan	-	-
Bayaran Balik Gaji	4,401.85	25,897.47
Bayaran Balik Perkhidmatan	-	-
Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	200.00	1,108.45
JUMLAH KESELURUHAN	1,015,513.75	1,056,935.57

PENGAWASAN ALAM SEKITAR



BAB 2

2.1 PENGAWASAN KUALITI SUNGAI

Kualiti air sungai dinilai berdasarkan sampel yang diambil daripada sembilan puluh lima (95) stesen pengawasan kualiti air sungai di tujuh (7) lembangan sungai utama di Negeri Selangor. Jadual 2.1 menunjukkan bilangan stesen pengawasan kualiti air sungai yang terdapat dalam tujuh (7) lembangan utama sungai di Negeri Selangor.



Rajah 2.1 : Lembangan Sungai Utama di Negeri Selangor.

Jadual 2.1: Senarai Lembangan Sungai Utama dan Bilangan Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai di Negeri Selangor.

Bil	Lembangan Sungai	Bilangan Stesen
1	Sungai Klang	31
2	Sungai Langat	26
3	Sungai Selangor	22
4	Sungai Buloh	6
5	Sungai Tenggi	4
6	Sungai Sepang	3
7	Sungai Bernam Perak	3
JUMLAH STESEN		95

BAB 2

Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan untuk menunjukkan tahap pencemaran dan kesesuaian yang sesuai daripada segi penggunaan air mengikut Standard Kualiti Air Negara (NWQS). IKA ditentukan dengan mengambil kira kepentingan enam (6) parameter penunjuk pencemaran utama iaitu parameter Oksigen Terlarut (DO), Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Ammoniacal Nitrogen (NH₃-N), Pepejal Terampai (SS) dan pH. Pengiraan IKA dibuat berdasarkan formula IKA dan seterusnya kategori sungai, kelas serta kesesuaian yang sesuai daripada segi penggunaan air tersebut akan ditentukan berdasarkan nilai IKA tersebut. Rajah 2.2 menunjukkan formula bagi pengukuran IKA. Jadual 2.2 menunjukkan kategori sungai berdasarkan IKA sungai tersebut. Manakala Jadual 2.3 dan 2.4 masing-masing menunjukkan pengkelasan sungai berdasarkan IKA dan kelas sungai serta kesesuaian penggunaan air sungai.

Rajah 2.2: Formula Pengiraan Indeks Kualiti Air (IKA)

$$WQI = 0.22(SIDO) + 0.19(SIBOD) + 0.16(SICOD) + 0.15(SIAN) + 0.16(SISS) + 0.12(SIpH)$$

Jadual 2.2: Kategori Sungai Berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA)

Kategori	Indeks Kualiti Air (IKA)
Bersih	80 – 100
Sederhana Tercemar	60 – 79
Tercemar	0 - 59

Jadual 2.3: Pengkelasan Sungai Berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA)

Kelas	Indeks Kualiti Air (IKA)
Kelas I	> 92.7
Kelas II	76.6 - 92.7
Kelas III	51.9 - 76.5
Kelas IV	31.0 - 51.9
Kelas V	< 31.0

BAB 2


Jadual 2.4: Kelas Sungai dan Kesesuaian Penggunaan

Kelas	Kesesuaian Penggunaan
Kelas I (>92.7)	<ul style="list-style-type: none">· Pemuliharaan alam semulajadi· Punca Air I - Tiada rawatan diperlukan· Perikanan I - Spesies akuatik yang sangat sensitif
Kelas IIA (76.5-92.7)	<ul style="list-style-type: none">· Bekalan Air - Rawatan air konvensional· Perikanan - Spesies akuatik yang sensitif
Kelas IIB (76.5-92.7)	<ul style="list-style-type: none">· Kegunaan rekreasi melibatkan sentuhan air
Kelas III (51.9-76.4)	<ul style="list-style-type: none">· Bekalan Air III - Rawatan air yang ekstensif diperlukan· Perikanan III - Sesuai untuk haiwan ternakan
Kelas IV (31-51.9)	<ul style="list-style-type: none">· Pengairan
Kelas V (<31)	<ul style="list-style-type: none">· Tiada yang di atas

BAB 2

2.2 STATUS LEMBANGAN SUNGAI

Punca utama pencemaran sungai-sungai di Negeri Selangor adalah disebabkan oleh pencemaran parameter pepejal terampai (SS) dan Ammoniakal Nitrogen (AN). Pencemaran pepejal terampai (SS) biasanya berpunca dari aktiviti kerja tanah dan pembuangan sisa pepejal. Manakala pencemaran Ammoniakal Nitrogen (AN) berpunca daripada pelepasan air kumbahan tanpa rawatan atau separa terawat, tapak pelupusan sampah, aktiviti penternakan dan kegiatan pertanian. Rajah 2.3 menunjukkan tren purata kualiti air di lembangan utama sungai di Negeri Selangor pada tahun 2020 hingga 2024.



Rajah 2.3: Tren Kualiti Air Di Lembangan Utama Sungai Di Negeri Selangor Tahun 2020-2024

I
N
D
E
K
S

78

Sungai Langat



62

Sungai Klang



88

Sungai Tenggi



67

Sungai Buloh



84

Sungai Sepang



93

Sungai Bernam



91


Sungai Selangor



2.3 STATUS KUALITI AIR SUNGAI MENGIKUT PARAMETER PENCEMAR

Pepejal Terampai (SS)

Aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada peningkatan parameter pepejal terampai adalah daripada aktiviti kerja tanah, pembuangan sisa pepejal, hakisan tebing sungai dan pengorekan pasir. Tren paras pepejal terampai dari tahun 2020 hingga 2024 di lembangan utama sungai di Negeri Selangor ditunjukkan dalam Rajah 2.4.




Rajah 2.4: Tren Purata Parameter Pepejal Terampai Di Lembangan Utama Sungai Di Negeri Selangor Dari 2020-2024

BAB 2

Ammoniakal Nitrogen (AN)

Punca utama yang menyebabkan peningkatan AN adalah daripada pelepasan air kumbahan tanpa rawatan atau separa terawat, tapak pelupusan sampah, aktiviti penternakan dan kegiatan pertanian. Paras AN di lembangan utama sungai di Negeri Selangor dari tahun 2020 hingga 2024 ditunjukkan dalam Rajah 2.5.




Rajah 2.5: Tren Parameter AN di Lembangan Utama Sungai Di Negeri Selangor dari 2020-2024

BAB 2

Keperluan Oksigen Biokimia (BOD)

Paras BOD, menunjukkan peningkatan bacaan di Sungai Langat berbanding tahun sebelumnya. Rajah 2.6 menunjukkan tren BOD di lembangan utama sungai di Negeri Selangor dari tahun 2020 hingga 2024.




Rajah 2.6: Tren Parameter BOD Di Lembangan Utama Sungai Di Negeri Selangor Dari 2020-2024

BAB 2

Keperluan Oksigen Kimia (COD)

Secara keseluruhan didapati terdapat penurunan paras pencemar COD di semua sungai pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 iaitu Sungai Selangor, Sungai Tenggi, Sungai Buloh dan Sungai Sepang. Rajah 2.7 menunjukkan tren parameter COD di lembangan utama sungai di Negeri Selangor dari tahun 2020 hingga 2024.



Rajah 2.7: Tren Parameter COD di Lembangan Utama Sungai di Negeri Selangor Dari 2020–2024

BAB 2

2.4 INDEKS KUALITI AIR MARIN MALAYSIA (IKAMM)

Indeks Kualiti Air Marin Malaysia (IKAMM) adalah pengagregatan parameter kualiti air marin yang paling relevan bertujuan untuk menyediakan maklumat kualiti air marin kepada semua pihak berkepentingan untuk melindungi dan memelihara persekitaran marin. Indeks ini dikira berdasarkan kepada parameter kualiti air yang dipilih iaitu oksigen terlarut, faecal coliform, ammonia, nitrat, fosfat dan jumlah pepejal terampai.

Penggunaan IKAMM versi baru telah mengeluarkan parameter minyak dan gris daripada formula indeks kerana tahap minyak dan gris didapati sentiasa di bawah had pengesanan dalam Rangkaian Pengawasan Kualiti Air Marin selama lima tahun. Dengan mengeluarkan parameter tersebut, didapati formula indeks yang baharu dihasilkan ini lebih sensitif dan lebih ketat dalam mengesan kemerosotan kualiti air marin. Formula IKAMM adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.8. Jadual 2.5 menunjukkan pengkelasan kategori berdasarkan IKAMM. Jadual 2.6 menunjukkan Indeks Kualiti Air Marin (IKAMM) bagi pantai, muara dan pulau di Negeri Selangor bagi tahun 2020 – 2024.

$$IKAMM^* = q_{iDO}^{0.18} \times q_{iFC}^{0.19} \times q_{iNH_3}^{0.15} \times q_{iNO_3}^{0.16} \times q_{iPO_4}^{0.17} \times q_{iTSS}^{0.15}$$

Dimana,

q_{iDO}	=	$-85.816 + 55.4768(DO) - 4.142(DO)^2$	Apabila DO < 3 mg/l, $q_{iDO} = 10$ Apabila DO > 10 mg/l, $q_{iDO} = 10$
q_{iFC}	=	$100 * EXP^{-0.005(Faecal\ coliform)}$	Jika FC > 500 <i>Faecal coliform count</i> /100ml, $q_{iFC} = 8$
q_{iNH_3}	=	$100 \text{ Exp}^{-0.0046(Unionized\ Ammonia)}$	
q_{iNO_3}	=	$94.8 \text{ EXP}^{-0.00035(Nitrate)}$	
q_{iPO_4}	=	$95.2 \text{ EXP}^{-0.002(Phosphate)}$	Apabila PO ₄ > 900 µg/l, $q_{iPO_4} = 10$
q_{iTSS}	=	$95.8 \text{ EXP}^{-0.0043(Total\ Suspended\ Solid)}$	Apabila TSS > 100 mg/l, $q_{iTSS} = 20$

Rajah 2.8: Formula Pengiraan Indeks Kualiti Air Marin Malaysia (IKAMM)

Jadual 2.5: Pengkelasan Kategori Berdasarkan Indeks Kualiti Air Marin Malaysia (IKAMM)

Kategori	Deskripsi
Sangat Baik	90 -100
Baik	80 - 89
Sederhana	50 - 79
Tercemar	0 - 49

BAB 2

Sebanyak sembilan belas (19) stesen pengawasan kualiti air marin dipantau di Negeri Selangor bagi tahun 2023. Ia meliputi sepuluh (10) stesen muara, enam (6) stesen pantai dan tiga (3) stesen pulau. Rajah 2.9 menunjukkan lokasi bagi stesen pengawasan kualiti air marin di negeri Selangor. Jadual 2.7 memperincikan stesen marin di negeri Selangor dengan status kategori sederhana sepanjang tahun 2024.



Rajah 2.9: Lokasi Stesen Pengawasan Air Marin Negeri Selangor Tahun 2024

BAB 2

Jadual 2.6: Indeks Kualiti Air Marin (IKAMM) bagi Pantai, Muara dan Pulau di Negeri Selangor bagi Tahun 2020- 2024

KLASIFIKASI STESEN	LOKASI	NOMBOR STESEN	NILAI IKAMM					KATEGORI (2024)
			2020	2021	2022	2023	2024	
Pantai	Pantai Bagan Lalang	MMBC001	91	84	84	89	86	Baik
	Pantai Morib	MMBC002	68	68	84	88	85	Baik
	Selat Pulau Babi	MMBC003	73	87	91	95	89	Baik
	Selat Klang Utara	MMBC004	55	62	56	79	56	Sederhana
	Pantai Remis	MMBC005	63	83	79	92	84	Baik
	Pantai Klang	MMBC006	71	74	69	82	66	Sederhana
Muara	Kuala Sungai Sepang	MMBE001	66	66	72	83	70	Sederhana
	Kuala Sungai Sepang (Kecil)	MMBE002	80	80	58	82	57	Sederhana
	Kuala Sungai Sepang (Kawalan)	MMBE003	81	81	91	90	84	Baik
	Kuala Sungai Langat (Jugra)	MMBE004	54	54	58	63	53	Sederhana
	Kuala Sungai Klang	MMBE005	40	40	43	51	51	Sederhana
	Kuala Sungai Langat (Lumut)	MMBE006	54	54	55	60	63	Sederhana
	Kuala Sungai Buloh	MMBE007	57	57	56	64	56	Sederhana
	Kuala Sungai Selangor	MMBE008	43	43	51	55	49	Tercemar
	Kuala Sungai Tenggi	MMBE009	51	51	48	56	52	Sederhana
	Kuala Sungai Bernam	MMBE010	55	55	61	54	55	Sederhana
Pulau	Ketam	7BR01	68	72	85	94	88	Baik
	Angsa	7BR02	59	89	83	95	93	Sangat Baik
	Lumut	7BR03	46	50	47	53	53	Sederhana


BAB 2

Jadual 2.7: Senarai Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin dengan Status Kategori Sederhana dan Peratusan Sub-Indeks Mengikut Parameter, 2024

KLASIFIKASI STESEN	LOKASI	NOMBOR STESEN	IKAMM	PERATUSAN SUB-INDEKS (%)					
				OKSIGEN TERLARUT	AMMONIA (TIDAK TERION)	FAECAL COLIFORM	JUMLAH PEPEJAL TERAMPAI	NITRAT	FOSFAT
Pantai	Selat Klang Utara	MMBC004	56	97	96	8	93	78	82
	Pantai Klanang	MMBC006	66	99	99	32	85	85	93
	Kuala Sungai Sepang	MMBE001	70	98	99	26	92	83	93
	Kuala Sungai Sepang (Kecil)	MMBE002	57	96	97	8	89	80	93
Muara	Kuala Sungai Langat (Jugra)	MMBE004	53	95	98	8	84	60	92
	Kuala Sungai Klang	MMBE005	51	96	85	8	93	80	55
	Kuala Sungai Langat (Lumut)	MMBE006	63	96	97	23	92	71	68
	Kuala Sungai Buloh	MMBE007	56	88	95	8	87	85	92
	Kuala Sungai Tenggi	MMBE009	52	88	99	8	71	79	87
	Kuala Sungai Bernam	MMBE010	55	99	100	17	49	66	88
Pulau	Lumut	7BR03	53	99	97	8	93	80	68

2.5 STATUS KUALITI UDARA

Terdapat enam (6) stesen pengawasan kualiti udara di Negeri Selangor iaitu di Kuala Selangor, Petaling Jaya, Klang, Shah Alam, Banting dan sebuah stesen bergerak (mobile) di Johan Setia. Parameter-parameter pencemar yang diukur adalah terdiri daripada habuk halus bersaiz kurang 10 mikron (PM_{10}), habuk halus bersaiz kurang 2.5 mikron ($PM_{2.5}$), Ozon (O_3), Nitrogen Dioksida (NO_2), Sulfur Dioksida (SO_2) dan Karbon Monoksida (CO). Sepanjang tahun 2023, status kualiti udara di Negeri Selangor berada pada tahap baik dan sederhana pada kebanyakan masa. Rajah 2.10 dan Jadual 2.8 masing-masing menunjukkan status kualiti udara mengikut bilangan hari dan peratusan hari mengikut status / kategori kualiti udara bagi tahun 2024.



Rajah 2.10: Status Kualiti Udara Mengikut Bilangan Hari di Negeri Selangor Tahun 2024

BAB 2

Jadual 2.8 : Lokasi dan Peratusan Hari Mengikut Status / Kategori Kualiti Udara Negeri Selangor Tahun 2024

Bil	Lokasi/ Kategori	Baik	Sederhana	Tidak Sihat	Sangat Tidak Sihat	Berbahaya	Nil*
1	Klang	9.30%	90.20%	0.50%	0	0	0
2	Banting	2.50%	96.20%	1.40%	0	0	0
3	Shah Alam	10.90%	89.10%	0	0	0	0
4	Kuala Selangor	42.30%	57.70%	0	0	0	0
5	Petaling Jaya	18.30%	81.40%	0.30%	0	0	0
6	Johan Setia	17.20%	76.00%	6.80%	0	0	0

2.6 STATUS KUALITI AIR TANAH

Program Pengawasan Kualiti Air Tanah Kebangsaan telah dimulakan semenjak tahun 1997. Tapak stesen pengawasan yang dipilih adalah mewakili jenis guna tanah spesifik. Pada tahun 2024 terdapat sembilan (9) stesen pengawasan kualiti air tanah di Negeri Selangor yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Rajah 2.11 menunjukkan lokasi stesen-stesen pengawasan air tanah di Negeri Selangor.



Rajah 2.11: Lokasi Stesen-stesen Pengawasan Air Tanah Negeri Selangor Tahun 2024

BAB 2

Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) digunakan sebagai satu kaedah dalam menentukan kategori dan status kualiti air tanah. IKAT dibangunkan berdasarkan tujuh (7) parameter utama iaitu pH, besi (iron), jumlah pepejal terlarut, nitrat, e-Coli, fenol dan sulfat. IKAT yang berskala 0 hingga 100 akan menentukan kategori kualiti air tanah dari sangat baik hingga sangat tercemar (Jadual 2.9). Jadual 2.10 menunjukkan status IKAT bagi stesen pengawasan air tanah di Negeri Selangor mengikut jenis kategori guna tanah.

Jadual 2.9: Kategori kualiti Air Tanah berdasarkan IKAT

Indeks	Kategori	Potensi Kegunaan
0–15	Sangat Tercemar	Kajian diperlukan sebelum kegunaan
16–39	Tercemar	Pengairan / Pertanian
40–69	Sederhana	Air Mentah / Penggunaan Industri
70–89	Baik	Berpotensi sebagai air minuman, TERTAKLUK kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan dalam piawaian Kualiti Air Minum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia
>90	Sangat Baik	Air berkualiti tinggi bagi semua bentuk penggunaan, TERTAKLUK kepada piawaian kualiti air yang ditetapkan untuk setiap bentuk penggunaan


Jadual 2.10: Status IKAT bagi stesen pengawasan air tanah di Negeri Selangor mengikut jenis kategori guna tanah

Bil.	Klasifikasi stesen	Kawasan	NILAI IKAT					KATEGORI (2024)
			2020	2021	2022	2023	2024	
1	Bandar dan Pinggir Bandar	Saujana Golf Resort (S13A), Subang	78	80	78	82	58	Sederhana
2	Bandar dan Pinggir Bandar	Saujana Golf Resort (S13C), Subang	97	89	83	74	67	Sederhana
3	Tapak Perindustrian	SK Seksyen 20, Shah Alam	73	62	75	65	76	Baik

BAB 2

Bil.	Klasifikasi stesen	Kawasan	NILAI IKAT					KATEGORI (2024)
			2020	2021	2022	2023	2024	
4	Tapak Perindustrian	CIAST, Seksyen 19 (S9B), Shah Alam	81	66	78	70	67	Sederhana
5	Tapak Perindustrian	CIAST, Seksyen 19 (S9C), Shah Alam	78	53	68	66	68	Sederhana
6	Luar bandar	Institut Alam Sekitar Malaysia, UKM Bangi	85	76	73	87	83	Baik
7	Bekas tapak pelupusan bangkai haiwan	TNB Sepang	96	68	76	63	59	Sederhana
8	Bekas tapak pelupusan bangkai haiwan	Ladang Linus, Sepang	87	72	77	81	89	Baik
9	Pertanian	Masjid Sekinchan	60	63	65	61	65	Sederhana

STATUS AIR TANAH DI NEGERI SELANGOR



BAB 2



Foto 2.1: Persampelan Air Tanah di Stesen Air Tanah Negeri Selangor

PENILAIAN KESAN ALAM SEKELILING DAN INPUT PEMBANGUNAN




3.0 LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

Penyediaan Laporan EIA adalah penting dalam meramal dan mengenal pasti isu-isu alam sekitar yang berpotensi memberi kesan negatif kepada alam sekitar apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan. Laporan EIA ini juga akan mencadangkan langkah-langkah kawalan dan tebatan yang berkesan bagi meminimumkan impak ke atas alam sekitar akibat sesuatu aktiviti yang akan dijalankan. Penyediaan Laporan EIA adalah seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi aktiviti-aktiviti yang tersenarai di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Kelulusan Laporan EIA yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar bukan merupakan kelulusan pelaksanaan projek sebaliknya sebagai input kesan kepada alam sekitar kepada pihak yang meluluskan projek seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi membolehkan pertimbangan yang terbaik apabila pihak berkenaan membuat keputusan terhadap sesuatu cadangan projek pembangunan yang dikemukakan.

Laporan EIA yang disediakan juga dapat membantu pihak pemaju untuk mengambilkira keperluan-keperluan penting pemuliharaan alam sekitar dari aspek pemantauan dan kawalan pencemaran alam sekitar untuk dilaksanakan serta mengambilkira kos yang diperlukan untuk menyediakan keperluan-keperluan alam sekitar yang telah dikenalpasti di peringkat awal perancangan pelaksanaan projek.

3.1 PEMROSESAN LAPORAN EIA

Pada tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima dan memproses 71 Laporan EIA berbanding 91 Laporan EIA yang diterima pada tahun 2023. Rajah 3.1 menunjukkan perbandingan Laporan EIA yang diterima dan diproses dalam tempoh lima (5) tahun (2020-2025).




Rajah 3.1: Bilangan Laporan EIA Di Negeri Selangor Yang Diterima Dan Diproses Dalam Tempoh Lima (5) Tahun (Tahun 2020-2024)

BAB 3

Laporan EIA yang diterima adalah tertakluk di bawah Aktiviti 1(a): Pertanian, Aktiviti 5(d)(ii): Perhutanan, Pengubahan kawasan hutan paya gambut (bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar), Aktiviti 6(a): Industri, Kimia, Aktiviti 8(b): Perlombongan (Perlombongan pasir di darat atau sungai atau di kawasan pantai atau di laut wilayah yang tidak melebihi 3 batu nautika yang diukur dari garis air surut, meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih), Aktiviti 9: Petroleum, Aktiviti 11(b): Penjanaaan dan pemancaran kuasa (pembinaan stesen janakuasa kitar padu, dengan atau tanpa talian pemancar), Aktiviti 13: Pembangunan di kawasan cerun, Aktiviti 14(a)(i): Pengolahan dan Pelupusan Buangan, buangan terjadual, pembinaan loji pulih guna (luar tapak), Aktiviti 14(a)(iii): Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak), Aktiviti 14(b)(ii): Sisa pepejal, pembinaan loji pengkomposan, Aktiviti 14 (a) (iii): Pembinaan penstoran (luar tapak), Aktiviti 14(c)(i): Kumbahan, (pembinaan loji pengolahan dengan 20,000.00 kesetaraan populasi atau lebih), Aktiviti 16: Perumahan, Aktiviti 17: Pembangunan estet industri, Aktiviti 19: Kuari, Aktiviti 18: Bandar Baharu, Aktiviti 20(b): Jalan, (Pembinaan Lebuhraya), Aktiviti 20 (c): Pembinaan jalan, terowong atau jambatan, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.2.


BILANGAN LAPORAN EIA MENGIKUT AKTIVITI BAGI TAHUN 2024



Rajah 3.2: Pecahan Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Aktiviti Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2024

BAB 3

Daripada sejumlah 71 Laporan EIA yang telah diterima, sebanyak 53 Laporan EIA (74.65%) diluluskan, 10 Laporan EIA tidak diluluskan (14.08%), 6 Laporan EIA ditarik balik (11.27%) oleh pihak pemaju. Status keputusan ke atas Laporan EIA yang diterima ditunjukkan dalam Rajah 3.3.



Rajah 3.3: Status Keputusan Laporan EIA Yang Diterima Di Negeri Selangor Pada Tahun 2024

Laporan EIA yang tidak diluluskan adalah disebabkan oleh kegagalan pihak perunding menyediakan Laporan EIA mengikut kehendak Seksyen 34A(4), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut :

- Ketidaksesuaian tapak pembangunan dan persekitaran dengan cadangan pembangunan yang hendak dilaksanakan;
- Langkah tebatan dan kawalan pencemaran yang dicadangkan tidak mencukupi atau tidak merangkumi aspek-aspek kritikal yang dikenalpasti;
- Gagal menyediakan maklumat yang mencukupi berkaitan isu-isu kritikal yang dikenalpasti;
- Cadangan konsep pembangunan yang belum dimuktamadkan;
- Penyediaan garis dasar kualiti alam sekeliling yang tidak memuaskan dan tidak mengikut keperluan yang ditetapkan; dan
- Kualiti laporan EIA yang tidak memuaskan dan tidak memenuhi keperluan Garispanduan EIA.

BAB 3



Foto 3.1 :Pemeriksaan Lapangan Bagi Cadangan Projek Pembangunan EIA


3.2 PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN PROJEK EIA

Bagi memastikan pematuhan terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan Environmental Impact Assessment (EIA), pemeriksaan dan pemantauan telah dijalankan ke atas projek-projek yang telah mendapat Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA dan Kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP). Langkah ini penting bagi memastikan segala ramalan impak dan langkah-langkah kawalan yang telah dicadangkan di dalam dokumen EMP serta Pelan Land Disturbing Pollution Prevention and Mitigation Measure, LD-P2M2 dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

Program penguatkuasaan dan pemantauan projek EIA bagi tahun 2024 telah dilaksanakan berdasarkan keutamaan berikut:


- Projek EIA yang baru mula aktiviti kerja tanah dan yang masih di dalam peringkat kerja tanah seperti pembangunan kawasan perindustrian, projek perumahan dan pembangunan bercampur;
- Projek EIA yang melibatkan aktiviti pembersihan tanah dan pembangunan di kawasan cerun;
- Projek-projek mega seperti Light Rail Transit Line 3 (LRT3), East Coast Rail Link (ECRL), West Coast Expressway Selangor Alignment (WCE) dan lain-lain;
- Projek-projek yang melibatkan pembukaan tanah yang luas dan terletak di dalam atau berhampiran dengan kawasan sensitif alam sekitar seperti dalam kawasan tadahan air, tanah gambut dan bekas lombong;
- Projek-projek yang sedang beroperasi seperti kuari, perlombongan pasir dan tapak pelupusan sanitari sisa pepejal khususnya yang berhampiran dengan kawasan kediaman;
- Projek pembinaan dan pemasangan Talian Grid TNB yang bermula dari Perak ke Pahang dan terus ke Negeri Sembilan yang melalui kawasan di Negeri Selangor; dan
- Projek-projek EIA yang menerima banyak aduan dan menyebabkan pencemaran udara, sungai atau bunyi bising seperti aktiviti kuari, tapak pelupusan.

Sepanjang tahun 2024, Unit Penguatkuasaan EIA Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan 206 pemeriksaan dan siasatan ke atas 104 tapak projek yang tertakluk kepada Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA manakala 4 projek tidak tertakluk dibawah Perintah EIA. Di sepanjang tempoh pemeriksaan penguatkuasaan EIA yang dijalankan pada tahun 2024 sebanyak 15 projek yang melibatkan 23 lawatan didapati gagal mematuhi sebahagian Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA. Walaubagaimanapun, pemeriksaan susulan dari semasa ke semasa dan maklum balas ke atas arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan mendapati kesemua projek tersebut telah mematuhi dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan ke atas kegagalan yang telah dilakukan. Peratus pematuhan bagi projek/premis penguatkuasaan EIA adalah seperti di Rajah 3.4.




Rajah 3.4: Status Pematuhan Projek EIA di Negeri Selangor Terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA Tahun 2024

Tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan EIA pada tahun 2024 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.5, manakala Rajah 3.6 menunjukkan perbandingan tindakan penguatkuasaan EIA yang telah diambil dari tahun 2014 sehingga 2024.



Rajah 3.5: Tindakan Penguatkuasaan EIA di Negeri Selangor Tahun 2024



Rajah 3.6: Tindakan Penguatkuasaan EIA di Negeri Selangor Bagi Tahun 2014 Hingga 2024

3.3 PEMERIKSAAN BERSEPADU BERSAMA AGENSI-AGENSI TEKNIKAL LAIN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

Selain daripada program penguatkuasaan yang telah dirancang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor juga turut serta dalam program pemeriksaan tapak projek-projek pembangunan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi teknikal. Agensi-agensi teknikal yang terlibat dalam pemeriksaan bersepadu ini antaranya adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Rujuk Foto 3.2 bagi gambar semasa operasi atau pemeriksaan bersepadu.



Foto 3.2: Lawatan Ke Tapak Projek Bersama Agensi Teknikal

BAB 3

3.4 PROJEK KUARI

Sepanjang tahun 2024, pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap operasi kuari yang terdapat di Negeri Selangor telah dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan dibawahnya dipatuhi sepenuhnya. Pengoperasian kuari hendaklah menyediakan sistem kawalan pencemaran yang berkesan. Antaranya adalah dengan memastikan komponen dalam *crushing facility* tertutup dan habuk stockpile dikawal dengan menggunakan semburan air. Sepanjang tahun 2024, pemeriksaan ke atas kuari-kuari yang beroperasi di Negeri Selangor mendapati semuanya telah dilengkapi dengan alat kawalan pencemaran udara (habuk/debu). Walau bagaimanapun Jabatan masih menerima aduan terhadap pengoperasian kuari daripada orang awam seperti:

Habuk dan debu yang mengganggu persekitaran terutamanya pada musim panas; dan Bunyi bising dan gegaran dari aktiviti kuari khususnya aktiviti letupan, situasi ini melibatkan kuari-kuari yang berada berhampiran dengan penerima sensitif.



Foto 3.3: Pemeriksaan bagi Aktiviti Pengkuarian di Negeri Selangor pada Tahun 2024

3.5 PEMANTAUAN KUALITI UDARA DAN BUNYI BISING BAGI PROJEK EIA

Pada tahun 2024, Jabatan turut menjalankan pemantauan kualiti udara dan bunyi bising ke atas projek EIA. Pemantauan dan pengawasan dijalankan ke atas projek EIA yang menerima aduan daripada penduduk kawasan berhampiran. Pemantauan kualiti udara dijalankan menggunakan alat pengukuran habuk GRIMM bagi mengukur parameter PM10, PM2.5 dan PM1.0. Manakala pemantauan bunyi bising dijalankan menggunakan alat sound level meter.




Foto 3.4: Aktiviti pemantauan kualiti udara dan bunyi bising bagi projek EIA yang menerima aduan dari penduduk berhampiran

3.6 ULASAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN


Bagi memastikan kelestarian alam sekitar tidak diabaikan dalam kegiatan ekonomi dan projek pembangunan di Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor turut berperanan memberi input berhubung pengurusan alam sekitar dan kawalan pencemaran terhadap cadangan projek-projek pembangunan baharu dan sedia ada (telah beroperasi). Input alam sekitar ini adalah penting bagi membantu pihak berkuasa yang meluluskan sesuatu projek di peringkat Kebenaran Merancang dan Lesen Industri. Ulasan input tersebut dapat membantu dalam menilai kesesuaian aktiviti pembangunan yang dicadangkan dengan pembangunan sedia ada di sekitar tapak projek bagi memastikan ia dirancang dan dilaksanakan secara lestari. Masalah yang boleh menimbulkan kacau ganggu dan pencemaran kepada penduduk serta alam sekitar apabila cadangan projek berkenaan diluluskan dan dilaksanakan kelak dapat dicegah. Pada umumnya, permohonan cadangan projek adalah dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, pihak industri dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Jenis-jenis permohonan yang diterima adalah seperti Kebenaran Merancang, Tukar Syarat Tanah dan Pemberimilikan Tanah, Lesen untuk industri, Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) dan lain-lain.

Pada tahun 2024, sebanyak 2,849 permohonan cadangan projek pembangunan telah dirujuk ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk diberi ulasan (Rajah 3.7). Sebanyak 2,436 (85.5%) permohonan diluluskan berbanding 308 (10.8%) permohonan yang tidak dipertimbangkan kerana maklumat tidak lengkap atau tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan (Rajah 3.8). Daerah Klang menunjukkan jumlah permohonan yang paling tinggi iaitu sebanyak 776 permohonan (Rajah 3.9) berbanding dengan daerah-daerah yang lain. Dari segi jenis permohonan pula, permohonan Kebenaran Merancang adalah yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 1,232 permohonan (Rajah 3.10) berbanding tahun-tahun sebelumnya. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan permohonan di bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) (KTK) yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor dan telah dilanjutkan tempoh penguatkuasaan sehingga 31 Disember 2027.


BAB 3




Rajah 3.7: Jumlah permohonan projek pembangunan yang diterima oleh Negeri Selangor (2015 – 2024)



Rajah 3.8: Status permohonan projek pembangunan yang diterima pada tahun 2024



Rajah 3.9: Jumlah permohonan projek pembangunan yang diterima pada tahun 2024 mengikut daerah



Rajah 3.10: Jenis-jenis permohonan projek pembangunan yang diterima oleh Negeri Sembilan pada tahun 2024


3.7 KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH SEKSYEN 19, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974

Pada tahun 2024, JAS Negeri Selangor telah menerima dan memproses sebanyak lima puluh dua (52) permohonan Kebenaran Bertulis (KB) di bawah Seksyen 19, AKAS 1974 dengan dua puluh tiga (23) permohonan baharu dan dua puluh sembilan (29) permohonan pindaan syarat KB.

Di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, kenderaan, kapal dan premis yang terlibat dalam pengurusan buangan terjadual, kilang kelapa sawit dan kilang getah hendaklah mendapatkan Kebenaran Bertulis daripada Ketua Pengarah untuk menjadi Pembawa atau Premis Yang Ditetapkan (PYDT). Jadual 3.1 menunjukkan kategori dan bilangan permohonan bagi Kebenaran Bertulis. Manakala Rajah 3.11 menunjukkan bilangan permohonan Kebenaran Bertulis yang diterima mengikut industri.

Jadual 3.1: Kategori dan bilangan permohonan Kebenaran Bertulis

Bil.	Kategori Permohonan	Bilangan Diterima
1	Permohonan Baharu	23
2	Permohonan Pindaan Syarat KB	29



Rajah 3.11: Bilangan permohonan Kebenaran Bertulis diterima mengikut industri di Negeri Selangor bagi tahun 2024

3.8 PEMERIKSAAN PRA PERLESENAN

Pemeriksaan Pra Pelesenan dijalankan oleh JAS Negeri Selangor bagi memastikan PYDT mematuhi syarat-syarat KB di bawah Seksyen 19, AKAS 1974 sebelum permohonan lesen di bawah Seksyen 18, AKAS 1974 diluluskan. Pada tahun 2024, sebanyak enam belas (16) Pemeriksaan Pra Pelesenan telah dijalankan. Foto 3.5 menunjukkan pemeriksaan pra pelesenan di premis.



Foto 3.5: Pemeriksaan Pra Pelesenan bagi Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan


3.9 LESEN DI BAWAH SEKSYEN 18, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974

PYDT hendaklah dilesenkan serta mematuhi Jadual Pematuhan yang telah ditetapkan sebelum dibenarkan untuk beroperasi seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 18, AKAS 1974.

Pada tahun 2024, JAS Negeri Selangor telah memproses dua ratus tiga puluh tiga (233) permohonan berkaitan lesen di bawah Seksyen 18, AKAS 1974 seperti Jadual 3.2 Manakala bilangan permohonan lesen diterima mengikut industri ditunjukkan dalam Rajah 3.12.

Jadual 3.2: Kategori dan bilangan permohonan lesen

Bil.	Kategori Permohonan Lesen	Bilangan Diterima
1	Permohonan Baharu	26
2	Permohonan Pindaan Syarat Lesen	26
3	Permohonan Pembaharuan PYDT Buangan Terjadual	157
4	Permohonan Pembaharuan PYDT Kilang Kelapa Sawit	15
5	Permohonan Pembaharuan PYDT Kilang Getah	1
6	Permohonan Pindah Milik	1
7	Permohonan Pindaan Nama	7
JUMLAH		233



Rajah 3.12: Bilangan permohonan berkaitan lesen diterima mengikut industri di Negeri Selangor bagi tahun 2024.

3.10 LESEN PELANGGARAN DI BAWAH SEKSYEN 22 (1), AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974 BAGI PERATURAN 25, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 2014

Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 22 (1), AKAS 1974 bagi Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014[PPKAS (UB) 2014] merupakan suatu lesen bagi premis untuk memohon melanggar nilai batas yang boleh diterima bagi pengeluaran pencemar udara.

Pada tahun 2024, tiada permohonan Lesen Pelanggaran diterima daripada industri bagi Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 22 (1), AKAS 1974 bagi Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014[PPKAS (UB) 2014].

3.11 LESEN PELANGGARAN DI BAWAH SEKSYEN 25 (1), AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974 BAGI PERATURAN 15, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (EFLUEN PERINDUSTRIAN) 2009 DAN PERATURAN 8, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN) 2009

Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 25 (1), AKAS 1974 bagi Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 [PPKAS (EP) 2009] dan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 [PPKAS (K) 2009] merupakan suatu lesen bagi premis untuk pelepasan efluen perindustrian dan kumbahan masing-masing melebihi standard yang telah ditetapkan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- Kerja-kerja penyelenggaraan atau menaiktaraf sistem pengolahan efluen perindustrian (SPEP) atau loji rawatan kumbahan (LRK);
- Meningkatkan kecekapan SPEP atau LRK;
- Menjalankan kajian untuk menentukan teknologi yang sesuai; dan
- Menjalankan kajian R&D.

Pada tahun 2024, JAS Negeri Selangor telah menerima dan memproses sebanyak enam (6) permohonan Lesen Pelanggaran iaitu daripada premis industri yang tertakluk di bawah PPKAS (EP) 2009 manakala satu (1) permohonan yang diterima bagi LRK di bawah PPKAS (K) 2009.

3.12 KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 23, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (EFLUEN PERINDUSTRIAN) 2009

Premis yang ingin melupuskan enap cemar yang dihasilkan daripada sistem pengolahan efluen perindustrian dan loji rawatan air hendaklah mendapatkan kelulusan Kebenaran Bertulis di bawah Peraturan 23, PPKAS (EP) 2009. Pada tahun 2023, JAS Negeri Selangor telah menerima tujuh puluh lima (75) permohonan iaitu dua puluh enam (26) daripada loji rawatan air dan empat puluh sembilan (49) daripada premis industri yang tertakluk di bawah PPKAS (EP) 2009 .

3.13 KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH PERATURAN 15, PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN) 2009

Loji Rawatan Kumbahan yang ingin melupuskan enap cemar yang dihasilkan daripada sistem pengolahan kumbahan hendaklah mendapatkan kelulusan Kebenaran Bertulis di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Enap cemar ini hendaklah dilupuskan di tapak pelupusan sanitari. Pada tahun 2024, tiada permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 diterima bagi Loji Rawatan Kumbahan.

KAWALAN PENCEMARAN DAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN



4.0 PELAKSANAAN PROGRAM PENGUATKUASAAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

Program penguatkuasaan bagi tahun 2024 telah dirangka dengan tumpuan ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) Penyelesaian kes-kes aduan pencemaran yang berulang yang melibatkan kepentingan awam;
- (ii) Operasi industri yang menghasilkan efluen terutamanya yang berada di hulu takat pengambilan air;
- (iii) Melaksanakan “Pollution Sources Survey” bagi mengenalpasti punca-punca pencemaran melalui pemetaan GIS/data geospacial;
- (iv) Penguatkuasaan ke atas kilang-kilang perusahaan kitar semula plastik;
- (v) Membenters pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual terutama buangan elektronik melalui Pelabuhan Klang dengan kerjasama Jabatan Kastam Selangor dan Lembaga Pelabuhan Klang;
- (vi) Penguatkuasaan ke atas aktiviti pembakaran terbuka terutama semasa cuaca panas dan kering melalui pelbagai kaedah dengan kerjasama agensi-agensi terutamanya yang di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam serta agensi-agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah dan Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan
- (vii) Penguatkuasaan ke atas sektor perindustrian melalui pendekatan penguatkuasaan ‘Guided Self-Regulation’ (GSR) di lapangan ke atas semua premis meliputi industri pembuatan yang menghasilkan efluen termasuk kilang memproses kelapa sawit mentah.

4.1 KAWALAN PENCEMARAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT) PEMATUHAN TERHADAP AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974


Sepanjang tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan penguatkuasaan yang meliputi 2852 premis industri dan 221 penguatkuasaan ke atas loji kumbahan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Pada tahun 2024, JAS Selangor meneruskan program penguatkuasaan seperti yang disasarkan untuk tahun tersebut bagi memastikan premis di Negeri Selangor sentiasa mematuhi kehendak AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Berdasarkan inventori terkini sehingga berakhirnya tahun 2024, terdapat sebanyak 14,525 buah premis industri dan loji kumbahan yang beroperasi dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,894 adalah terdiri daripada loji kumbahan. Rajah 4.1 menunjukkan jumlah peratusan pemeriksaan bagi tahun 2024 yang dipecahkan mengikut kategori dan jenis industri berdasarkan Malaysian Standard Industries Code, yang mana tumpuan pemeriksaan adalah kepada Seksyen Pembuatan Pengilangan. Terdapat juga kategori Lain-Lain industri pembuatan dan iainya tidak termasuk dalam kategori utama yang disenaraikan. Kategori lain-lain aktiviti pembuatan yang dijalankan di Selangor juga adalah industri jentera, pembuatan minuman, farmaseutikal, kok dan produk petroleum bertapis, tekstil, pakaian, produk kulit, produk tembakau dan lain-lain pembuatan yang meluputi bilangan yang sedikit. Aktiviti bukan perbuatan yang menjadi tumpuan juga pada tahun 2024 adalah aktiviti pengumpulan, rawatan dan pelupusan sisa dan pemulihan semula bahan.

Pemilihan premis yang dijadualkan untuk pemeriksaan adalah bergantung kepada prestasi sesebuah premis dalam mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan juga kekerapan aduan ke atas pencemaran oleh premis yang menimbulkan keadaan kacau ganggu kepada orang awam dan kualiti alam sekitar. Program operasi penguatkuasaan yang melibatkan rondaan dan pemeriksaan permis juga telah ditingkatkan bagi memastikan industri-industri terus patuh kepada Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Rondaan pada waktu hujung minggu dan cuti am turut dilaksanakan. Pada tahun 2024, program operasi penguatkuasaan JAS Selangor telah dipergiatkan melalui beberapa siri OPS Gempur pada setiap bulan dan juga OPS khas bagi kes-kes kecemasan. Bagi pelaksanaan OPS Gempur bagi tahun 2024, sebanyak 197 pemeriksaan ke atas premis dari pelbagai kategori telah dilaksanakan. Pemeriksaan bagi premis yang menjalankan pemprosesan buangan terjadual elektronik atau e-waste turut giat dijalankan pada tahun 2024 iaitu sebanyak 166 pemeriksaan telah dibuat.

JAS Selangor telah turut serta di dalam Operasi khas di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) iaitu bersama pihak Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis DiRaja Malaysia iaitu melibatkan pemeriksaan bersasar premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan buangan e-waste secara haram. Operasi bersepadu juga turut diadakan bersama lain-lain pasukan PDRM seperti Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP/FRU) dan Pasukan Polis Marin (PPM). Operasi bersepadu bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut digiatkan. Kerjasama dengan pihak PDRM tidak terhad pada satu-satu masa sahaja dan berterusan dari semasa ke semasa.

Dalam usaha meningkatkan pematuhan ke atas AKAS 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya, penguatkuasaan secara pematuhan sendiri atau Guided Self-Regulation telah mula diperkenalkan semenjak tahun 2016. Ianya dapat membantu pegawai dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang lebih berkesan ke atas premis.




Rajah 4.1: Peratusan Pemeriksaan Premis Industri bagi Kategori Seksyen Pembuatan di Negeri Selangor

4.2 TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Sepanjang tahun 2024, tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas Premis Yang Bukan DiTetapkan (PYBDT) adalah seperti Rajah 4.2:

- Mengeluarkan 228 Notis Arahan;
- Mengeluarkan 617 kompaun di atas kesalahan di bawah pelbagai Peraturan; dan
- Menyediakan 44 Kertas Siasatan bagi tujuan tindakan pendakwaan di mahkamah.

STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN PYBDT 2024



Rajah 4.2: Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil ke atas Premis PYBDT di Negeri Selangor

4.3 PENGUATKUASAAN KE ATAS PENGIMPORAN KONTENA PLASTIK DAN BUANGAN TERJADUAL

Pada tahun 2024, JAS Selangor telah menjalankan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan SIRIM Berhad ke atas kontena-kontena yang disyaki membawa dagangan sekerap plastik/aluminium tanpa permit dan juga buangan terjadual. Sebanyak 551 unit kontena telah dijalankan pemeriksaan dan mendapati 535 unit kontena disyaki mengandungi Buangan Terjadual yang terdiri dari SW110, SW422, SW102, SW104 & SW103. Hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak 219 Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan ke atas pengimport untuk penghantaran pulang semula barang dagangan tersebut ke negara asal.



Foto 4.1: Pemeriksaan Ke Atas Kontena Yang oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor



Foto 4.2: Pemeriksaan Ke Atas Kontena Yang Membawa barang dagangan disyaki mengandungi bahan buangan terjadual




Foto 4.3: Pemeriksaan Ke Atas Kontena Yang Membawa Buangan Terjadual jenis buangan pemasangan elektrik dan elektronik yang dikategorikan sebagai Buangan Terjadual SW 110

4.4 KAWALAN PENCEMARAN KE ATAS PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

KILANG KELAPA SAWIT MENTAH

Pada tahun 2024, terdapat sebanyak 15 buah Kilang Kelapa Sawit (KKS) yang telah dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977. Daripada 15 buah premis tersebut, sebanyak 10 buah premis melepaskan efluen terolah ke dalam alur air dan 5 buah premis melepaskan efluen terolah ke atas tanah.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 48 pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas 15 buah Kilang Kelapa Sawit di mana sebanyak 8 Notis Arahan dan 2 tindakan kompaun telah dikenakan terhadap Kilang Kelapa Sawit berkaitan. Manakala tiada tindakan penahanan operasi kelengkapan dan tindakan mahkamah yang dikenakan terhadap Kilang Kelapa Sawit. Dalam pada itu, berdasarkan kepada pemeriksaan terakhir yang telah dijalankan pada tahun 2024, didapati semua Kilang Kelapa Sawit telah mencatatkan 100% pematuhan terhadap syarat lesen dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Rajah 4.3 menunjukkan statistik tindakan penguatkuasaan terhadap Kilang Kelapa Sawit di Negeri Selangor pada tahun 2024 manakala Foto 4.4 pula menunjukkan kerja-kerja penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh JAS Selangor ke atas Kilang Kelapa Sawit yang dilesenkan di Selangor.



Rajah 4.3: Statistik Tindakan Penguatkuasaan Kilang kelapa Sawit



PROSES

Menilai proses yang dijalankan selaras dengan lesen yang telah dikeluarkan.

PENSTORAN DAN AMALAN BAIK

Menilai pematuhan kepada kaedah penstoran dan *good management practices*.



PEMATUHAN PERUNDANGAN

Menilai pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya.

Foto 4.4: Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Selangor

KILANG GETAH ASLI MENTAH

Terdapat hanya sebuah Kilang Getah Asli Mentah yang telah dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978. Kilang Getah Asli Mentah yang dilesenkan melepaskan efluen terolah ke alur air.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 3 pemeriksaan ke atas kilang getah telah dijalankan. Berdasarkan kepada pemeriksaan yang telah dijalankan terhadap Kilang Getah Asli Mentah pada tahun 2024, didapati pematuhan keseluruhan Kilang Getah Asli Mentah terhadap syarat lesen dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah 100%. Kerja-kerja penguatkuasaan ke atas Kilang Getah Asli Mentah oleh JAS Selangor pada tahun 2024 ditunjukkan dalam Foto 4.5.



Foto 4.5: Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Kilang Kelapa Sawit Di Negeri Selangor

KEMUDAHAN PENGOLAHAN, PEMEROLEHAN KEMBALI, PENSTORAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL

Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 182 lesen telah dikeluarkan kepada 95 Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang melibatkan lesen-lesen berikut:

- (a) Lesen Kemudahan Penstoran Buangan Terjadual Luar Tapak
- (b) Lesen Pembawa Yang Ditetapkan
- (c) Lesen Penunu Buangan Terjadual
- (d) Lesen Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual,
- (e) Lesen Pengolahan Luar Tapak
- (f) Kemudahan Tapak Pelupusan Selamat
- (g) Lesen Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual Penuh (E-Waste dan Bukan E-waste)
- (h) Lesen Pemerolehan Kembali Luar Tapak Buangan Terjadual Separa (E-Waste).



Rajah 4.4: Bilangan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual Yang Dilesenkan Di Negeri Selangor Pada Tahun 2024

BAB 4

Bagi tindakan penguatkuasaan pula, sebanyak 134 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis yang dilesenkan tersebut. Berdasarkan kepada pemeriksaan yang telah dijalankan sebanyak 2 Notis Arahan telah dikenakan terhadap PYDT Buangan Terjadual. Manakala tiada tindakan kompaun, penahanan operasi kelengkapan dan tindakan mahkamah yang dikenakan terhadap PYDT Buangan Terjadual. Rajah 4.5 menunjukkan statistik tindakan penguatkuasaan terhadap Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual di Negeri Selangor pada Tahun 2024.



Rajah 4.5: Statistik Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual Di Negeri Sembilan Bagi Tahun 2024

Isu ketidakpatuhan yang sering dilakukan oleh Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual yang ditemui semasa siasatan dijalankan adalah melibatkan perkara-perkara berikut:

- Sistem pemantauan pelepasan secara berterusan (Continuous Emission Monitoring System, CEMS) tidak beroperasi; dan
- Lesen Pembawa Yang Ditetapkan

Berdasarkan pemeriksaan terakhir pada Tahun 2024, Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual telah mencatatkan pematuhan keseluruhan 100% terhadap syarat lesen dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kerja-kerja penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh JAS Selangor ke atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual ditunjukkan di dalam Foto 4.6.

BAB 4





Foto 4.6: Kerja-Kerja Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Buangan Terjadual, Tahun 2024

4.5 PENGGUNAAN SISTEM APLIKASI ELECTRONIC SCHEDULED WASTE INFORMATION SYSTEM (ESWIS)

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menggunakan sistem aplikasi Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS) dalam pengurusan buangan terjadual di negara ini. Sistem aplikasi ini mengkehendaki maklumat Notifikasi, Inventori Jadual Kelima dan Nota Konsainan bagi pergerakan buangan terjadual dilaporkan secara atas talian (online) kepada Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan pemantauan yang lebih sistematik.

Pada tahun 2024, lebih daripada 91% daripada 7,852 premis pengeluar buangan telah menggunakan aplikasi eSWIS dalam pengurusan buangan terjadual. Usaha bagi memastikan sistem eSWIS ini digunakan diteruskan melalui latihan hands-on kepada pihak industri setiap tahun.



Rajah 4.6: Perbandingan Penggunaan Sistem eSWIS bagi tahun 2023 dan 2024

4.6 KAWALAN TERHADAP PEMBAKARAN TERBUKA


Pada tahun 2024, sebanyak 510 rondaan telah dijalankan. Pelaksanaan rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) sejajar dengan keadaan cuaca panas dan kering yang tinggi direkodkan pada tahun ini. Untuk rekod, Jabatan Alam Sekitar telah menggunakan gerak-kerja berpanduan kepada Dokumen Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (Foto 4.7). Pelan ini bertujuan memberi panduan untuk membolehkan agensi-agensi yang terlibat dalam pengendalian bencana jerebu untuk bertindak secara pantas, terselaras dan bersepadu dalam menangani jerebu.



Foto 4.7: Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan

Berdasarkan statistik, sejumlah 3,570 aduan pembakaran terbuka dan 16 kes hotspot dikesan dan telah disiasat sepanjang tahun 2024. Daripada sejumlah 3,570 aduan pembakaran terbuka tersebut, aktiviti pembakaran sampah sarap merupakan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 1,602 aduan. Aduan-aduan ini merupakan pembakaran kecil sampah sarap termasuk daun-daun kering dan ranting-ranting kayu di kawasan perumahan dan komersial. Sebanyak 512 aduan pembakaran terbuka pula dikesan berpunca daripada tapak pelupusan sampah haram (Foto 4.8) dan 16 aduan pembakaran terbuka dilakukan di tapak pembinaan. Pembakaran terbuka daripada aktiviti pertanian yang melibatkan kerja-kerja peladangan kelapa sawit, getah, nenas, sawah padi dan kebun kecil pula sebanyak 53 aduan

(Foto 4.9) manakala 78 aduan kebakaran belukar direkodkan, dan 1,254 aduan pembakaran melibatkan lain-lain punca seperti rizab sungai, dan kawasan premis industri (Rajah 4.7).



Rajah 4.7: Jumlah aduan pembakaran terbuka berdasarkan jenis punca tahun 2024



Foto 4.8: Pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah haram



Foto 4.9: Pembakaran terbuka melibatkan aktiviti pertanian

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (Foto 4.10) merupakan garis panduan yang komprehensif dan berkesan dalam menangani pembakaran terbuka. Pelan Tindakan ini menterjemahkan kolaborasi antara agensi kerajaan dalam menangani pembakaran terbuka melalui tindakan di peringkat pencegahan, pemantauan, pemadaman dan penguatkuasaan. Pelan tindakan ini juga menghubungkan tindakan-tindakan yang dinyatakan dalam prosedur tetap operasi sedia ada serta menggariskan beberapa tindakan bersepadu inter-agensi yang telah dikemas kini dan diselaraskan. Pada tahun 2024 pelan tersebut telah diaktifkan pada 23 Februari 2024 sejajar dengan maklumat cuaca yang ditaklimatkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia iaitu bermula Mac negara mula memasuki Fasa Peralihan Monsun yang menyebabkan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia mengalami cuaca kering.



Foto 4.10: Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan

4.7 PENGURUSAN KEBAKARAN DI KAWASAN TANAH GAMBUT SERING TERBAKAR

Kawasan tanah gambut di Johan Setia, Klang, Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor, Hutan Simpan Sungai Karang, Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, Selangor merupakan kawasan tanah gambut yang telah dikenalpasti sebagai kawasan fire prone areas di Negeri Selangor yang sering berlaku pembakaran terbuka pada musim panas dan kering pada setiap tahun (Foto 4.11 dan Foto 4.12). Namun demikian, usaha pemadaman dan kawalan kebakaran yang berkesan telah diselaraskan oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dengan penglibatan agensi-agensi Negeri dan Persekutuan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran. elepasan asap yang berterusan dari kawasan yang terbakar




menjadi masalah utama kerana struktur tanah gambut dengan paras air tanah yang sangat rendah membuatkan pembaraan bawah permukaan tanah terus terjadi. Asap yang terhasil ini menyebabkan kemerosotan kualiti udara dan boleh mengakibatkan jerebu.

Foto 4.11: Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut Johan Setia



Foto 4.12:
Kebakaran di
Hutan Simpan
Kuala Langat
Selatan

Sehubungan itu, bagi menangani masalah pembakaran di kawasan tanah gambut yang mudah terbakar terutamanya pada musim kering, satu pelan tindakan bersepadu di antara agensi-agensinya yang berkaitan telah dibentuk (Foto 4.13). Agensi-agensinya yang terlibat terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang bekerjasama mengikut bidangkuasa masing-masing dengan mewujudkan konsep pengurusan air bagi tujuan mengekalkan kelembapan dan meninggikan paras air bawah tanah di kawasan tanah gambut.



Konsep pengurusan air secara mampan ini dicapai dengan menyediakan sumber air melalui pembinaan telaga air tanah atau tube well dan sekatan saluran air dengan pembinaan check dam serta melalui kolam takungan dan saluran paip. Sehingga Disember 2024, sejumlah 24 unit sekatan saluran (check dam), 23 unit telaga tiub (tube well), 49 unit piezometer, 9 unit kolam takungan dan 3 km saluran paip telah dibina dan beroperasi di keseluruhan kawasan *fire prone* ini (Foto 4.14, 4.15, 4.16 dan 4.17). Infrastruktur yang dibina ini bukan sahaja sebagai kaedah melembapkan tanah gambut malahan dapat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam membekalkan sumber air bagi tujuan pemadaman.

Foto 4.13: Prosedur Tetap Operasi Melaksanakan Program Mencegah Kebakaran Tanah Gambut Untuk Mengatasi Jerebu

BAB 4



Foto 4.14: Check dam jenis geobag dan spin wheel yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor



Foto 4.15: Kolam takungan yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor



Foto 4.16: Tube well yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor

BAB 4



Foto 4.17: Piezometer yang dibina di kawasan fire prone di Negeri Selangor

Selain itu, menara tinjau turut dibina bagi memantau kebakaran di kawasan tanah gambut dengan tujuan mengenalpasti dan mengawal kebakaran dari terus merebak. Sehingga kini, terdapat 2 menara tinjau yang telah dibina oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan di Hutan Simpan Raja Musa (Foto 4.18). Pemantauan di menara tinjau ini dilaksanakan dari bulan Februari hingga Oktober 2024 iaitu ketika cuaca panas dan kering.



Foto 4.18: Menara tinjau di Hutan Simpan Raja Musa dan di Hutan Simpan Kuala Langat Utara

BAB 4

Bagi meningkatkan kesedaran dan amaran kepada orang awam supaya tidak melakukan pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, papan tanda larangan pembakaran terbuka juga telah dipasang di sekitar kawasan yang berisiko berlaku pembakaran terbuka di dalam Negeri Selangor. Pada tahun 2024 sebanyak 8 unit papan tanda telah dipasang di sekitar kawasan Revolusi Hijau Johan Setia, Klang khusus di titik lokasi pembakaran terbuka yang kerap berlaku (Foto 4.19). Selain itu, JAS Negeri Selangor juga telah melaksanakan dua program komuniti dengan kerjasama agensi kerajaan negeri iaitu program Latihan Bomba Sukarelawan dalam Pengurusan Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut (Foto 4.20). Program telah melibatkan Persatuan Bomba Sukarela di dalam Daerah Klang. Program telah menerima lebih daripada 30 orang penyertaan. Program kedua ialah Jom!! Kenali Hutan Simpan Raja Musa yang telah diadakan pada 5 Oktober 2024 di Pusat Kecemerlangan Hutan Simpan Raja Musa melibatkan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang menyasarkan penglibatan daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (Foto 4.21)

Bagi memastikan aktiviti pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut khususnya di Johan Setia dan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dapat dicegah, JAS Negeri Selangor telah mengadakan kerjasama dengan agensi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Skop kerjasama bersama pihak APM adalah menjalankan penugasan rondaan di pemantauan di Kawasan Revolusi Hijau, Johan Setia. Manakala pemantauan Hutan Simpan Kuala Langat Utara melalui menara tinjau dilaksanakan oleh pihak RELA (Foto 4.22).



Foto 4.19: Papan tanda Larangan Pembakaran Terbuka di Daerah Klang, Johan Setia



Foto 4.20: Program Latihan Bomba Sukarelawan dalam Pengurusan Kebakaran di kawasan tanah gambut di kawasan Revolusi Hijau Johan Setia.



Foto 4.21: Program Jom!! Kenali Hutan Simpan Paya Gambut Raja Musa di Pusat Kecemerlangan Hutan Simpan Raja Musa



BAB 4




Foto 4.22: Kerjasama Penugasan rondaan di Johan Setia oleh JAS-APM dan pemantauan melalui menara tinjau di Hutan Simpan Kuala Langat Utara oleh RELA





Foto 4.23: Pemantauan aerial di kawasan tanah gambut terbakar menggunakan teknologi thermal drone. Titik merah menunjukkan kawasan yang masih mempunyai nyalaan & baraan api

4.8 ADUAN PENCEMARAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima sebanyak 4,255 aduan berhubung pencemaran sepanjang tahun 2024. Aduan pencemaran udara mencatatkan jumlah aduan tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 3,570 kes (84.0%), diikuti aduan pencemaran air sebanyak 264 kes (6.0%), 149 kes (4.0%) berkaitan bunyi bising, 89 kes (2.0%) berkaitan buangan terjadual dan lain-lain jenis aduan sebanyak 183 kes (4.0%) (Rajah 4.8).


Daripada keseluruhan jumlah aduan pencemaran yang diterima, sebanyak 1,977 aduan melibatkan tindakan oleh agensi penguatkuasaan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Jabatan Veterinar, Pejabat Daerah & Tanah (PDT) dan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS).



Rajah 4.8: Jenis Aduan Pencemaran Yang Diterima Sepanjang Tahun 2024


BAB 4

Daripada 3,570 aduan pencemaran udara yang diterima, aduan pembakaran terbuka mencatatkan bilangan aduan yang paling tinggi iaitu 2,179 kes (59.0%). Aduan bau yang berpunca daripada industri seperti kilang berasaskan getah, kimia, loji kumbahan dan bau busuk sampah sarap domestik mencatatkan bilangan aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 970 (28%) diikuti aduan pelepasan asap kilang dari cerobong sebanyak 234 (7%). Diikuti aduan Pelepasan habuk dan debu dari industri terutamanya dari kilang-kilang kayu dan projek pembinaan sebanyak 158 (5%) dan seterusnya aduan pelepasan asap hitam dari kenderaan sebanyak 29 (1%) (Rajah 4.9).



Rajah 4.9: Jenis Aduan Pencemaran Udara Yang di terima

Berdasarkan penerimaan aduan pencemaran oleh JAS Selangor mengikut daerah, daerah Klang mencatatkan penerimaan bilangan aduan yang tertinggi iaitu sebanyak 899 kes, diikuti oleh daerah Petaling sebanyak 773 kes. Daerah Hulu Langat sebanyak 793 kes, daerah Gombak sebanyak 542 kes, daerah Kuala Langat sebanyak 485 kes, daerah Sepang sebanyak 446 kes, daerah Kuala Selangor sebanyak 199 kes, daerah Hulu Selangor sebanyak 133 kes dan daerah Sabak Bernam mencatatkan penerimaan aduan yang paling rendah iaitu sebanyak 19 kes (Rajah 4.10).



Rajah 4.10: Pecahan Aduan Yang Diterima Mengikut Daerah

Penyiasatan ke atas aduan pencemaran ini turut melibatkan premis-premis yang tidak mempunyai lesen pengoperasian daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan aktiviti yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Beberapa contoh kes yang telah dijalankan siasatan adalah seperti berikut:

KES 1

Tarikh : 7 November 2024

Lokasi : Premis di Pelabuhan Klang

Latar Belakang : Pengaduan dari orang awam (kod rujukan AWAM-2024-06930) menyatakan terdapat pelepasan efluen berwarna putih ke longkang awam pada waktu hujung minggu menyebabkan bau yang kurang menyenangkan

Hasil siasatan : Premis menjalankan aktiviti pembuatan sarung tangan getah. Premis gagal mengendalikan Sistem Pengolahan Efluen dengan baik yang telah menyebabkan pelepasan efluen tidak terawat ke dalam perairan daratan serta gagal menguruskan penstoran buangan terjadual dengan baik

Tindakan : Penahanan Operasi Kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a) dan Kompaun di bawah PPKAS (EP) 2009 dan PPKAS (BT) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974



Foto 4.24: Siasatan kes aduan premis pembuatan sarung tangan getah berdasarkan kod rujukan aduan AWAM-2024-06930

KES 2

Tarikh : 28 November 2024

Lokasi : Premis di Kawasan Bandar Sultan Suleiman, Klang Utara

Latar Belakang : Laporan pengaduan dari orang awam (kod rujukan AWAM-2024-07219) menyatakan terdapat pencemaran bau kuat menyengit pada waktu pagi di dalam kawasan perindustrian

Hasil siasatan : Premis menjalankan aktiviti resin plastik dan kitar semula skrap acrylic tanpa kelulusan EIA

Tindakan : Penahanan Operasi Kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a) dan kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Foto 4.25: Siasatan kes aduan premis haram menjalankan aktiviti resin plastik dan kitar semula skrap acrylic

4.9 KAWALAN KENDERAAN MOTOR

Isu-isu utama pencemaran udara terutamanya di pusat-pusat bandar adalah pelepasan asap, gas dan bunyi bising daripada kenderaan motor. Oleh yang demikian, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) 2007 (Pindaan) 2021 digubal dan dikuatkuasakan bagi mengawal serta mengurangkan tahap pelepasan asap hitam dan gas-gas karbon monoksida (CO), hidrokarbon (HC), oksida-oksida nitrogen (NO_x), partikulat, bunyi bising dan gas-gas yang berpotensi menipiskan lapisan ozon serta meningkatkan paras suhu dunia dari kenderaan berenjin diesel dan petrol.

KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERENJIN DIESEL

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi mengawal pelepasan dari kenderaan berenjin diesel mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 di sepanjang tahun 2024:

- (i) Operasi Kamera Video (meliputi rakaman menggunakan kamera atau kamera video dan Operasi Catat;
- (ii) Operasi Statik Kawalan Pelepasan bersama pelbagai agensi penguatkuasa;
- (iii) Pemeriksaan terhadap Pengendali Berkumpulan atau Fleet Operator;
- (iv) Pemeriksaan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL);
- (v) Penguatkuasaan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 terhadap terminal dan perhentian bas;
- (vi) Pemeriksaan Pengurusan Refrigeran; dan
- (vii) Persampelan bahan api diesel dan petrol di depoh simpanan bahan api diesel dan stesen-stesen minyak.

OPERASI KAMERA VIDEO DAN OPERASI STATIK DENGAN PELBAGAI AGENSI PENGUATKUASA

Pada tahun 2024, sebanyak 240 Operasi Catat/Kamera Video dan 45 Operasi Statik Kawalan Pelepasan secara bersepadu bersama agensi-agensinya penguatkuasa berkaitan telah dilaksanakan di lokasi-lokasi yang strategik di Negeri Selangor.

BAB 4


Melalui Operasi Catat/Kamera Video, sebanyak 71,475 buah kenderaan berenjin diesel telah dipantau pelepasan asap hitam dan sebanyak 74 buah kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk hadir ujian pelepasan asap. Pencapaian keseluruhan program kawalan pelepasan dari kenderaan berenjin diesel melalui Operasi Statik Kawalan Pelepasan dan Operasi Kamera Video bagi tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti di Rajah 4.11.

Bagi Operasi Statik pula, daripada 5,528 kenderaan yang ditahan dan dipantau secara visual, 991 kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap. Daripada bilangan yang diuji, 37 kenderaan telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk menghadiri ujian semula pelepasan asap di PUSPAKOM.


Manakala bilangan kompaun yang dikeluarkan mengikut jenis kenderaan di atas kesalahan pelepasan asap hitam melebihi had yang dibenarkan adalah seperti di Rajah 4.12.

Rajah 4.13 menunjukkan kadar perbandingan jumlah kenderaan yang diberi Notis Arahan Seksyen 48A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan bilangan kenderaan yang hadir ujian semula pelepasan asap hitam bagi tahun 2020 sehingga 2024.


Manakala perbandingan di antara pemerhatian bilangan kenderaan secara visual melalui Operasi Catat/Kamera Video dan Notis Arahan Seksyen 48A(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikeluarkan mengikut jenis kenderaan bagi tahun 2024 adalah seperti di Rajah 4.14.




Rajah 4.11: Status Kawalan Pelepasan Dari Kenderaan Berenjin Diesel Bagi Tahun 2020-2024



Rajah 4.12 : Bilangan Kompaun Mengikut Jenis Kenderaan



Rajah 4.13: Perbandingan Kenderaan Yang Diberi Notis 48A Dan Hadir Uji Semula Bagi Tahun 2020 - 2024



Rajah 4.14: Perbandingan Antara Bilangan Visual Dan Notis 48A Mengikut Jenis Kenderaan



Foto 4.26: Operasi Statik dan Operasi Catat/Kamera Video yang telah dijalankan di Negeri Selangor

PENGUATKUASAAN PERATURAN 16 TERHADAP TERMINAL BAS

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor juga telah menguatkuasakan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 terhadap Terminal Bas iaitu larangan menghidupkan enjin selama tidak lebih 3 minit sebagai langkah untuk mengawal pencemaran dari kenderaan berenjin diesel di terminal-terminal bas di seluruh Negeri Selangor. Sebanyak 10 operasi penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 10 buah terminal dan perhentian bas seperti di bawah bagi tahun 2024.

1. Terminal Bas Rawang;
2. Pusat Hentian Kajang;
3. Terminal Bas Bukit Sentosa;
4. Terminal A Klang Sentral;
5. Terminal Sani Ekspres Klang;
6. Terminal Bas Pelabuhan Klang;
7. Hentian Bas Semenyih;
8. Terminal Bas Ijok, Jalan Kuala Selangor;
9. Terminal Bestari Jaya, Jalan Bukit Badong; dan
10. Terminal Bas Dan Teksi, Bandar Malawati Kuala Selangor





Foto 4.27: Operasi Penguatkuasaan Peraturan 16, terhadap Terminal Bas yang telah dijalankan Negeri Selangor

4.10 KAWALAN PELEPASAN GAS DAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL

Kawalan pelepasan gas dan bunyi bising daripada motosikal dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada tahun 2024, sebanyak 14 program kawalan pelepasan gas dan bunyi bising daripada motosikal telah dilaksanakan, di mana sebanyak 74 buah motosikal telah ditahan dan diuji dengan menggunakan meter gas CO/HC serta *Sound Level Meter* (SLM). 19 Tawaran Kompaun dan 38 Notis Arahan telah dikeluarkan. 36 buah motosikal yang diuji pelepasan CO dan bunyi bising didapati patuh (Rajah 4.15). Foto 4.28 menunjukkan operasi penguatkuasaan pelepasan daripada motorsikal yang dijalankan di Negeri Selangor.



Rajah 4.15: Status Penguatkuasaan Pelepasan Gas Dan Bunyi Bising Motosikal Bagi Tahun 2020-2024

BAB 4




Foto 4.28 : Operasi Penguatkuasaan Pelepasan Daripada Motosikal Yang Dijalankan Di Negeri Selangor

4.11 KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN DIESEL

Kawalan ke atas kandungan bahan api petrol dan diesel dilaksanakan berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel), 2007 (Pindaan 2021) serta Prosedur Tetap Operasi (PTO) Bagi Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel bertarikh Mei 2016. Sejak bahan api diesel berspesifikasi EURO 5 memasuki pasaran tempatan bermula pada 1 April 2021, program penguatkuasaan kawalan kandungan bahan api tersebut telah dijalankan di stesen-stesen minyak di Negeri Selangor. Bagi tahun 2024, persampelan telah dijalankan terhadap bahan api diesel EURO 5 di 25 buah stesen minyak.



Foto 4.29 : Persampelan Bahan Api Diesel EURO 5 di Depoh Simpanan Dan Stesen Minyak

4.12 KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Kawalan Pengurusan Refrigeran dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 (Pindaan) 2020. Pemeriksaan penguatkuasaan ke atas pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan refrigeran seperti pengimport dan pengedar produk refrigeran, kilang pembuatan penyaman udara serta pusat-pusat servis sistem penyejukan (air-cond) kenderaan motor bagi memastikan aktiviti perolehan dan penyimpanan bahan refrigeran adalah dari jenis yang dibenarkan. Selain itu, proses pengumpulan dan pemindahan bahan refrigeran ke dalam sistem penyaman udara kenderaan dan kediaman, pembungkusan semula atau repackaging bahan refrigeran oleh pemborong atau pengimport untuk edaran atau jualan semula turut diperiksa bagi memastikan ia mengikut prosedur yang betul bagi mengelakkan pelepasan bahan refrigeran ke atmosfera yang berpotensi menipiskan lapisan ozon serta meningkatkan paras suhu dunia. Pada tahun 2024, sebanyak 10 pemeriksaan telah dijalankan oleh JAS Selangor terhadap simpanan refrigeran di premis pengimport serta pembekal refrigeran serta perkhidmatan yang menggunakan bahan refrigeran.




Foto 4.30 : Persampelan Bahan Api Diesel EURO 5 di Depoh Simpanan Dan Stesen Minyak

4.13 TINDAKAN MAHKAMAH

Unit Pendakwaan JAS Negeri Selangor mengendalikan pendakwaan kes-kes jenayah alam sekitar di Mahkamah-Mahkamah Sesyen seluruh Negeri Selangor, dengan kuasa yang diberikan oleh Pengarah Pendakwaan Negeri Selangor. Pada tahun 2024, Unit ini dianggotai oleh tiga (3) orang Pegawai Pendakwa dan seorang Penolong Jurutera bagi membantu menguruskan pengendalian pemfailan saman, kertas-kertas siasatan serta dokumen mahkamah di dalam Sistem E-filing Mahkamah Persekutuan Malaysia, penyediaan laporan serta data-data Unit Pendakwaan.


Sepanjang tahun 2024, Unit pendakwaan telah mendaftarkan sebanyak 15 kes baru dan telah menyelesaikan sebanyak 109 pertuduhan. Kesemua kes ini dikendalikan di lapan buah Mahkamah Sesyen di seluruh Negeri Selangor. Rajah di bawah menunjukkan peratusan kes dikendalikan pada tahun 2024 mengikut lokasi di Negeri Selangor.



Rajah 4.16: Peratusan Kes Dikendalikan Mengikut Lokasi Mahkamah di Negeri Selangor Pada Tahun 2024

Pada tahun 2024, jumlah kutipan penalti mahkamah adalah sebanyak RM1,122,600.00, tren ini menunjukkan sedikit penurunan jumlah kutipan penalti berbanding tahun 2023 dan sebelumnya. Tahun ini juga Unit Pendakwaan menumpukan untuk memuktamadkan kes-kes perbicaraan yang semakin meningkat jumlahnya. Perbicaraan kes jenayah alam sekitar juga turut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor serta Pegawai Undang-Undang Jabatan Alam Sekitar terutamanya bagi kes-kes berkepentingan dan mendapat liputan media.

Pada tahun 2024 juga, unit ini berjaya menyelesaikan 41 pertuduhan kes di Mahkamah. Daripada jumlah kes yang telah diselesaikan, didapati kesalahan berkaitan pencemaran perairan daratan merupakan jumlah kes yang tertinggi direkodkan, manakala kesalahan berkaitan pematuhan kepada penyediaan laporan serta pematuhan syarat-syarat kelulusan bagi Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) memberikan kutipan denda tertinggi direkodkan berbanding kesalahan-kesalahan lain di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Peraturan-Peraturan di bawahnya. Rajah di bawah menunjukkan jenis kes selesai serta kutipan penalti mahkamah dikendalikan pada tahun 2024.




Rajah 4.17: Peratusan Kes Dikendalikan Mengikut Lokasi Mahkamah di Negeri Selangor Pada Tahun 2024

4.14 TINDAKAN KOMPAUN


Sepanjang tahun 2024, sebanyak 521 keping kompaun telah ditawarkan sebagai salah satu pilihan tindakan penguatkuasaan di atas pelbagai kesalahan yang dikenalpasti di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Untuk rekod, pada tahun 2024, jumlah kutipan hasil kompaun adalah sebanyak RM676,050.00. Rajah di bawah menunjukkan tren bilangan kompaun ditawarkan dari tahun 2020 sehingga 2024, serta kutipan kompaun.

BAB 4



Rajah 4.18: Bilangan Kompaun Yang Telah Ditawarkan Mengikut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, serta Kutipan Denda Bagi Tahun 2024

Daripada jumlah tawaran kompaun tersebut, Unit Pendakwaan mendapati tawaran kompaun tertinggi dikeluarkan bagi kegagalan pematuhan di bawah pengurusan buangan terjadual, yang mencatatkan hampir 79% daripada jumlah keseluruhan tawaran kompaun. Rajah di bawah menunjukkan peratusan kesalahan yang ditawarkan kompaun bagi tahun 2024.



Rajah 4.19: Peratusan Kompaun Yang Ditawarkan mengikut Jenis Kegagalan Pematuhan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya bagi Tahun 2024



BAB 4

Pada 7 Julai 2024, pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah mula dikuatkuasakan. Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah memfailkan kesalahan pertama di bawah pindaan Akta ini ke atas seorang warganegara China yang mengusahakan kilang berasaskan pembuatan plastik, di atas kesalahan mencemarkan perairan daratan akibat dari kebocoran tangki bahan kimia di dalam premis yang diusahakan. Akibat dari kesalahan tersebut, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 90 hari serta didenda sebanyak RM240,000 terhadap warganegara China tersebut. Pendakwaan kes ini juga memberikan satu mesej yang jelas bahawa JAS Negeri Selangor sentiasa serius dan komited dalam menjalankan pemantauan bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Unit Pendakwaan menitipkan penghargaan kepada Unit Undang-Undang Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Kamar Penasihat Undang-Undang dan Pengarah Pendakwaan Negeri Selangor serta Akademi Perundangan Negara, di atas segala bantuan kepakaran serta nasihat-nasihat yang diberikan sepanjang menjalankan tugas pendakwaan tahun ini.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN



5.0 PROGRAM PENDIDIKAN, KESEDARAN DAN SEBARAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah melaksanakan pelbagai program pendidikan, kesedaran dan sebaran maklumat sepanjang tahun 2024 dan objektif program kesedaran ini adalah:

- Memberi pendedahan tentang strategi penerapan unsur pendidikan alam sekitar yang berkesan;
- Meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- Menggalakkan amalan positif terhadap pengurusan sumber asli dan melahirkan masyarakat penyayang dan prihatin terhadap alam sekitar;
- Menggalakkan kesedaran dan keperihatinan terhadap ekonomi, sosial, politik, kesihatan dan alam sekitar yang saling bergantung antara satu sama lain;
- Menyediakan peluang kepada semua pihak untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar; dan
- Mencungkil bakat dan menggalakkan amalan kreatif dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.

5.1 CERAMAH DAN PAMERAN ALAM SEKITAR

JAS Negeri Selangor telah melaksanakan pameran dan ceramah kesedaran alam sekitar kepada pelbagai agensi, industri, korporat, Institut Pengajian Tinggi, sekolah dan komuniti yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat. Jadual 5.1 dan Jadual 5.2 masing-masing menunjukkan program-program pameran dan ceramah yang telah disertai dan disampaikan sepanjang tahun 2024.





BAB 5

Jadual 5.1: Senarai Pameran yang telah disertai oleh JAS Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Jan 16, 2024	Ceramah dan Pameran Sempena Projek Sekolah Hijau: Pendidikan Untuk Amalan Kelestarian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh
2	Feb 7, 2024	Program Ceramah dan Pameran Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Sesi 2023/2024 di SK Bukit Beruntung	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung
3	Mar 21, 2024	Pameran dan Kempen 'Plastic Busters' Sempena Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor	Bazar Ramadan Seksyen 7, Shah Alam.
4	Mar 27, 2024	Pameran dan Kempen 'Plastic Busters' Sempena Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor	Bazar Ramadan Seksyen 13, Shah Alam
5	May 19, 2024	Pameran dan Kempen Kesedaran Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Sempena Sambutan Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Negeri Selangor 2024	IKBN Peretak, Kuala Kubu Bharu
6	Jun 24, 2024	Pameran Kesedaran E-Waste Sempena Hari Landskap Negara 2024	Taman Tasik Shah Alam
7	May 26, 2024	Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Program Wings of KKB Selangor Birds Fair "The Nocturnal"	Jalan Bukit Kerjasama, Kuala Kubu Bharu.
8	Jun 4, 2024	Pameran Penguatkuasaan Alam Sekitar Sempena Perhimpunan Bulanan NRES	Dewan Baiduri, JAS Ibu Pejabat
9	Jun 6, 2024	Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam



BAB 5

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
10	Jun 8, 2024	Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Majlis Pelancaran Ikon Alam Sekitar Negeri Selangor 2024	Pusat Konservasi Hidupan Liar, Hulu Selangor
11	Jun 22, 2024	Pameran Sempena Majlis Perasmian Projek Perintis Program Pengumpulan Bahan Buangan Elektrik Dan Elektronik (E-Waste)	Stesen Minyak Petron Rinching
12	Jul 20, 2024	Pameran dan Kempen Kesedaran Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Sempena Karnival Alam Sekitar Negeri Selangor 2024	1 Utama Shopping Centre, Bandar Utama, Petaling Jaya
13	Jul 25, 2024	Pameran dan Kempen Kesedaran Alam Sekitar Sempena <i>Selangor Investment and Industrial Park Expo (SPARK 2024)</i>	Kuala Lumpur Convention Centre
14	Aug 10, 2024	Pameran dan Kempen Kesedaran Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Sempena Program Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2024	Taman Tasik Pandan Perdana, Ampang
15	Sep 10, 2024	<i>Campaign Group Occupational Safety, Food Safety And Quality</i>	Mewah Oleo, Pulau Indah
16	Sep 17, 2024	Pameran dan Kempen Kesedaran Jabatan Alam Sekitar Selangor Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024	MAEPS, Serdang
17	Sep 20, 2024	Pameran dan Program Pengumpulan E-Waste di Sapura Energy Berhad	Sapura Energy Berhad, Seri Kembangan
18	Sep 28, 2024	Program Cintailah Sungai Kita, Hari Rendah Karbon dan <i>World Clean Up Day</i>	Santuari Kelip-Kelip, Kampung Kuantan



BAB 5

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
19	Oct 13, 2024	Karnival Alam Sekitar	Taman Tasik Millenium, Kuala Kubu Bharu
20	Oct 27, 2024	Pameran Pantai Lestari	Tanjung Harapan
21	Oct 30, 2024	Pameran Sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Ozon Sedunia Dan Hari Alam Sekitar Negara 2024	ADTEC, Shah Alam
22	Nov 7, 2024	Hari HSEQ	Gas Malaysia Berhad, Shah Alam
23	Nov 23, 2024	Trash To Cash And Innovation	Dataran Pangkalan Sabak, Sabak Bernam
24	Dec 14, 2024	Pameran Program Kelestarian Alam Sekitar	Serenia City Central Park

Jadual 5.2: Senarai Ceramah yang telah disampaikan oleh JAS Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Jan 10, 2024	Ceramah myPremis di dalam Webinar Penguatkuasaan Penggunaan Sistem “ <i>Environmental Mainstreaming Tools</i> ” (eMAINS), “myPremis” dan “Online Environmental Reporting” (OER) Ke Arah Revolusi Industri IR 4.0	Atas talian
2	Jan 16, 2024	Ceramah dan Pameran Sempena Projek Sekolah Hijau: Pendidikan Untuk Amalan Kelestarian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh
3	Jan 17, 2024	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Di Sekolah Kebangsaan Seksyen 2, Bandar Kinrara	Sekolah Kebangsaan Seksyen 2, Bandar Kinrara



BAB 5

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
4	Jan 23, 2024	Taklimat Pengenalan Skop Kerja Penguatkuasaan dan Bidang Kuasa Jabatan Alam Sekitar Anjuran Pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Selangor	Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Selangor
5	Jan 24, 2024	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Sempena Kempen Kesedaran Alam Sekitar Kolej MCS	Kolej MCS, Banting
6	Jan 30, 2024	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar	Petronas Research Sdn. Bhd.
7	Feb 7, 2024	Program Ceramah dan Pameran Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Sesi 2023/2024 di SK Bukit Beruntung	Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung
8	Feb 21, 2024	Ceramah di Bengkel Berkaitan Aspek-Aspek Teknikal Yang Melibatkan Kesihatan dan Keselamatan Pada 21 Februari 2024 Anjuran Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)	Wyndham Hotel
9	Mar 22, 2024	Ceramah E-Waste di Eco-Tech Exchange: A Dialogue On E-Waste In Conjunction With World Earth Day	Atas talian
10	May 7, 2024	Ceramah Integriti Penjawat Awam Dan Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2024	Pejabat JAS Selangor
11	May 29, 2024	Ceramah Pengurusan E-Waste Sempena Minggu Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Sunway Berhad	Sunway Berhad



BAB 5

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
12	May 30, 2024	Ceramah Tentang Pengurusan E-Waste Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024	Pejabat Urusan Petron, Damansara Heights
13	Jun 13, 2024	Ceramah Pengurusan Alam Sekitar	Steelcase Manufacturing Sdn. Bhd.
14	Jun 25, 2024	Ceramah Kesedaran Pengurusan E-Waste [Tech Talk] #Generationrestoration	Atas talian (Petronas Dagangan)
15	Jul 1, 2024	Ceramah Pengurusan E-Waste Di Sekolah Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2024	SK Jalan Empat, Bangi
16	Jul 19, 2024	Ceramah Di Taklimat Pengawasan Dan Pemantauan Alam Sekitar Menggunakan Sistem Pemantauan Eia (SPEIA)	Multi Purpose Hall 1 – Tingkat 5 Blok G Sime Darby Property Berhad, Ara Damansara, Petaling Jaya
17	Jul 30, 2024	Ceramah Alam Sekitar di Sri Nona Food Manufacturing Sdn. Bhd., Rawang	Sri Nona Food Manufacturing Sdn. Bhd. Rawang
18	Aug 2, 2024	Ceramah Alam Sekitar Sempena Program 'Sustainability Day' Di EON Glenmarie Shah Alam	EON Glenmarie Shah Alam
19	Aug 28, 2024	Ceramah Perundangan Alam Sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Atas Talian (Toyo Tyre Sales & Marketing Malaysia Sdn. Bhd.)
20	Sep 10, 2024	<i>Campaign Group Occupational Safety, Food Safety And Quality</i>	Mewah Oleo, Pulau Indah
21	Sep 20, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Di Sapura Energy Berhad	Sapura Energy Berhad
22	Sep 25, 2024	<i>E-Waste (Environmental Sustainability To Supports The Wellbeing Of Current And Future Generations)</i>	Atas Talian (KWSP)



BAB 5

Bil.	Tarikh	Senarai Ceramah Alam Sekitar	Tempat
23	Oct 11, 2024	Ceramah Kesedaran Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama	EPF Learning Centre, Kampus Bangi
24	Nov 13, 2024	Ceramah Mengenai "Kesedaran Pengurusan Sisa Secara Efektif	Kuala Lumpur International Airport (KLIA)
25	Nov 23, 2024	Kem Kepimpinan Belia Dan Tenaga Hijau Selangor 2024	Kem El-Azhar Morib
26	Nov 23, 2024	<i>Trash To Cash And Innovation</i>	Dataran Pangkalan Sabak, Sabak Bernam
27	Nov 25, 2024	Program Sulam <i>E-Waste Management</i>	SMK Seskyen 9, Shah Alam
28	Dec 14, 2024	Ceramah Kelestarian Alam Sekitar	Serenia City Central Park
29	Dec 13, 2024	<i>International Friends Of Nature Summer Camp 2024</i>	Online
30	Dec 18, 2024	Ceramah Alam Sekitar	SMKA Bukit Beruntung

BAB 5



Foto 5.1: Aktiviti pameran dan ceramah yang telah dijalankan sepanjang tahun 2024

5.2 SEMINAR, TAKLIMAT DAN KOLOKIU ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Pada tahun 2024, seminar, webinar dan kolokium yang dijalankan oleh JAS Negeri Selangor lebih tertumpu kepada pihak industri, perunding dan pemaju projek di Negeri Selangor. JAS Negeri Selangor turut menganjurkan sesi taklimat dan kolokium kepada pegawai-pegawai JAS Negeri Selangor. Senarai seminar dan webinar yang telah dianjurkan oleh JAS Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 5.3.

Jadual 5.3: Senarai Seminar, Taklimat dan Kolokium anjuran JAS Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	BILANGAN OUTREACH
1	Jan 10, 2024	Webinar Penguatkuasaan Penggunaan Sistem “Environmental Mainstreaming Tools” (eMAINS), “mypremis” dan “Online Environmental Reporting” (OER) Ke Arah Revolusi Industri IR 4.0	Atas talian	1000
2	Jan 24, 2024	Taklimat Peraturan Pegawai Awam Kepada Ketua Bahagian, Ketua Cawangan Dan Ketua Unit di Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Pejabat JAS Selangor	500
3	Feb 14, 2024	Seminar Pemerkasaan Psikologi Dan Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Ke Arah Membentuk Pegawai Berintegriti Tinggi Peringkat JAS Negeri Selangor	Pejabat JAS Selangor	500
4	Feb 20, 2024	Webinar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Protokol Persampelan Efluen & Udara dan CEMS & I-REMOTE)	Atas talian	1000
5	Mar 22, 2024	Eco-Tech Exchange : A Dialogue On E-Waste In Conjunction With World Earth Day	Atas talian	1000
6	Feb 13, 2024	Seminar Pemerkasaan Psikologi Dan Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Ke Arah Membentuk Pegawai Berintegriti Tinggi Peringkat Jas Negeri Selangor	Pejabat JAS Selangor	500



BAB 5


BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	BILANGAN OUTREACH
7	May 8, 2024	Taklimat Penugasan Rondaan OMPT Di Johan Setia Bersama Pihak APM Klang	Pusat Operasi APM Klang	200
8	May 22, 2024	Kolokium Mengenai Latihan Pertolongan Cemas (First Aid Training) Kepada Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor	Pejabat JAS Selangor	100
9	Jun 6, 2024	Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974: Kawalan Pencemaran Dan Pemulihan Tanah Di Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam	2000
10	Jun 6, 2024	Program Intervensi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Di Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor Berkaitan Pencegahan Rasuah Di Kalangan Pegawai Penguatkuasa	Pejabat JAS Selangor	100
11	Jun 10, 2024	Kursus Penerbangan Drone Dan Penggunaan Aplikasi Geospas V4.0	Pejabat JAS Selangor	100
12	Jul 10, 2024	Bengkel "Hands-On" Tatacara Penggunaan Sistem "Mypremis" Bagi Sektor Loji Rawatan Kumbahan JAS Selangor	Pejabat JAS Selangor	500
13	Jul 17, 2024	Seminar Pematuhan Akas 1974: "Pendekatan Perundangan Dan Penggunaan Teknologi Dalam Pematuhan Pengurusan Efluen Perindustrian Dan Udara Bersih."	IDCC, Shah Alam	1000



BAB 5

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	BILANGAN OUTREACH
14	Jul 18, 2024	Seminar Pematuhan AKAS 1974: "Pengurusan Buangan Terjadual: Ke Arah Ekonomi Kitaran Yang Mampan"	IDCC, Shah Alam	1000
15	Jul 19, 2024	Taklimat Pengawasan Dan Pemantauan Alam Sekitar Menggunakan Sistem Pemantauan EIA (SPEIA)	Sime Darby Property Berhad, Ara Damansara, Petaling Jaya	500
16	Oct 23, 2024	Semakan Kertas Siasatan Bersama PUU JAS Untuk Pegawai-Pegawai Penguatkuasa JAS Selangor	Pejabat JAS Selangor	100
17	Oct 23, 2024	Program Taklimat Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 2024) Untuk Pegawai-Pegawai Penguatkuasa JAS Selangor	Pejabat JAS Selangor	100
18	Oct 23, 2024	Seminar Malaysia ESG Contribution 2024 - From Trash To Tech	Hotel Renaissance, Kuala Lumpur	300

BAB 5



WEBINAR ATAS TALIAN

PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (PROTOKOL PERSAMPELAN EFLUEN & UDARA DAN CEMS & I-REMOTE)

ANJURAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR
DENGAN KERJASAMA
KELAB SUKAN & KEBAJIKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

I-REMOTE
Integrated Remote Monitoring System

2 CPD HOURS

SELASA
20 FEB 2024

08:00AM - 13:00PM

IMBAS UNTUK MENDAFTAR

BERSIARAN DI APLIKASI

YURAN PENDAFTARAN RM180

[HTTPS://FORMS.GLE/KXmV5WUQUSTRE3CPA](https://forms.gle/KXmV5WUQUSTRE3CPA)

JABATAN ALAM SEKITAR ALAM SEKITAR TINGGUNGTAHER BERKAMP

INTERNATIONAL FRIEND OF NATURE SUMMER CAMP

WEBINAR I-FNSC 24

FRIDAY | 13rd DECEMBER 2024 | 2:00 p.m. - 5:30 p.m.

Inaugurated by:
MDM. Nur Azah Binti Jaafar
Director Department of Environment
SELANGOR

Logos of participating organizations: MATTEL, MAMPU, ZABSI, CARIGALI, and others.



Foto 5.2: Program seminar dan webinar Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepanjang tahun 2024

BAB 5




Foto 5.3: Program seminar dan webinar Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepanjang tahun 2024

5.3 PROGRAM SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) adalah bertujuan untuk mewujudkan sekolah yang membudayakan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan perancangan dan penglibatan semua warga sekolah. Program sekolah lestari membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) diadakan setiap dua tahun sekali dan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu sekolah rendah dan menengah. Rajah 5.1 menunjukkan Proses Penyertaan dan Penilaian Sekolah Lestari Setiap Peringkat. Manakala Rajah 5.2 menunjukkan Komponen dalam Penilaian SLAAS.



Rajah 5.1: Proses Penyertaan dan Penilaian Sekolah Lestari Setiap Peringkat



Rajah 5.2: Komponen Dalam Penilaian SLAAS

BAB 5

Pada tahun 2024, program SLAAS kitaran kesembilan bagi sesi 2023/2024 terus diperkasakan dengan aktiviti promosi seperti bengkel bagi penerangan berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar secara menyeluruh. Sejumlah tiga puluh satu (31) buah sekolah terdiri daripada sembilan belas (19) buah sekolah rendah dan dua belas (12) buah sekolah menengah di Negeri Selangor telah mengisi penyertaan bagi program sekolah lestari ini (Jadual 5.4). Walaubagaimanapun, penyertaan hanya akan diambil kira sekiranya sekolah yang menyertai mengemukakan laporan penuh untuk penilaian dan penjurian. Daripada 31 buah sekolah tersebut, hanya 14 sekolah yang mengemukakan laporan penuh. Berdasarkan penilaian dan penjurian Peringkat Negeri Selangor, Sekolah Kebangsaan Bandar Rinching, Semenyih telah menobatkan sebagai Johan Peringkat Sekolah Rendah diiringi oleh Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungai Manggis (Naib Johan) dan Sekolah Kebangsaan Sungai Kelambu (Tempat ke-3). Manakala di peringkat Sekolah Menengah pula, Sekolah Menengah Kebangsaan Kajang Utama, Kajang telah dinobatkan sebagai Johan diiringi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Indah (Naib Johan) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 4 Bandar Kinrara (Tempat ke-3).

Jadual 5.4: Senarai Sekolah yang telah mengisi penyertaan awal bagi Program SLAAS

BIL.	SEKOLAH	KATEGORI SEKOLAH (RENDAH/ MENENGAH)
1	SK TAMAN MUDA	RENDAH
2	SK BUKIT BERUNTUNG	RENDAH
3	SK JALAN EMPAT	RENDAH
4	SK SUNGAI SERAI	RENDAH
5	SK SUNGAI KELAMBU	RENDAH
6	SK METHODIST TELOK DATOK	RENDAH
7	SK SUNGAI JUDAH	RENDAH
8	SK JALAN ENAM	RENDAH
9	SK BANDAR RINCHING	RENDAH
10	SK SEMENYIH	RENDAH
11	SK SRI SERDANG	RENDAH



BAB 5

BIL.	SEKOLAH	KATEGORI SEKOLAH (RENDAH/ MENENGAH)
12	SK SUNGAI MANGGIS	RENDAH
13	SK SEKSYEN 9 SHAH ALAM	RENDAH
14	SK BANDAR ANGGERIK	RENDAH
15	SK BANDAR SERI PUTRA	RENDAH
16	SJKT SUNGAI MANGGIS	RENDAH
17	SK JUGRA	RENDAH
18	SK SERI SELANGOR	RENDAH
19	SJKT RRI	RENDAH
20	SMK PULAU INDAH	MENENGAH
21	SMK PANDAN INDAH	MENENGAH
22	SMK SEKSYEN 24(2)	MENENGAH
23	SMK SERI GOMBAK	MENENGAH
24	SMK SEKSYEN 27, SHAH ALAM	MENENGAH
25	SMK SULTAN ABDUL SAMAD, PETALING JAYA	MENENGAH
26	SMK(P) SRI AMAN	MENENGAH
27	SMK PUCHONG UTAMA 1	MENENGAH
28	SMK BANDAR BARU SUNGAI LONG	MENENGAH
29	SMK SEKSYEN 10 KOTA DAMANSARA	MENENGAH
30	SMK KAJANG UTAMA	MENENGAH
31	SMK SEKSYEN 4 BANDAR KINRARA	MENENGAH



Foto 5.4: Pemenang Program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2023/2024 Peringkat Negeri Selangor

5.4 SAMBUTAN HARI BUMI

Sambutan Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun oleh masyarakat di 192 negara seluruh dunia. Tahun ini, Hari Bumi telah memasuki sambutan yang ke-54 semenjak ianya mula diperkenalkan pada tahun 1970. Tema sambutan Hari Bumi tahun 2024 adalah “*Invest in Our Planet*”. Setiap tahun Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor menjalankan program kesedaran alam sekitar bersempena Sambutan Hari Bumi dengan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan negeri, rakan strategi alam sekitar dan rakan alam sekitar. Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Selangor ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Beberapa aktiviti telah dianjurkan bersempena sambutan Hari Bumi 2024 seperti di Jadual 5.5.

Jadual 5.5: Senarai Program sempena sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Mar 17, 2024	Pertandingan TikTok Challenge Ramadhan – Plastic Busters	Atas talian
2	Mar 21, 2024	Program Plastic Busters	Bazar Ramadan Seksyen 7, Shah Alam
3	Mar 27, 2024	Program Plastic Busters	Bazar Ramadan Seksyen 13, Shah Alam
4	Mar 22, 2024	Eco-Tech Exchange: A Dialogue on E-Waste in Conjunction with World Earth Day	Atas talian
5	Mar 30, 2024	Projek Perintis Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) di Stesen-Stesen Minyak Sempena Hari Bumi	Stesen Petronas Bandar Tasik Puteri, Rawang
6	Apr 27, 2024	Program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) Sempena Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor	Hutan Simpan Kapar Tambahan, Jeram, Kuala Selangor
7	Apr 27, 2024	Program Penanaman Pokok Bakau Bersama Rakan Alam Sekitar (RAS) - Program 1 RAS 1 Pokok Sempena Sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor	Hutan Simpan Kapar Tambahan, Jeram, Kuala Selangor



Foto 5.5 : Program sempena sambutan Hari Bumi 2024 Peringkat Negeri Selangor

5.5 SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun oleh masyarakat di 143 negara seluruh dunia. Sambutan ini diperkenalkan pada tahun 1972 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semasa persidangan yang berlangsung di Stockholm, Sweden. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia ini diperkenalkan bertujuan untuk memberi galakan kesedaran global dan tindakan terhadap isu-isu alam sekitar. Tema bagi Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun 2024 adalah “*Land restoration, desertification and drought resilience*”. Program yang telah diadakan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 5.6.

Jadual 5.6: Senarai Program Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Jun 5, 2024	Bual Bicara Selangor FM	Atas talian (Selangor FM)
2	Jun 6, 2024	Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam
3	Jun 6, 2024	Seminar Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974: Kawalan Pencemaran dan Pemulihan Tanah di Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam
4	Jun 6, 2024	Pameran Kesedaran Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor	Hotel Concorde, Shah Alam
5	Jun 8, 2024	Program Pengumpulan E-waste dengan kerjasama Rakan Alam Sekitar UiTM Student Chapter	Kolej Pengajian Kejuruteraan, UiTM Shah Alam
6	Jun 22, 2024	Majlis Pelancaran Projek Perintis Pengumpulan E-waste di Stesen Minyak Terpilih dengan kerjasama Stesen Minyak Petron	Stesen Minyak Petron Bandar Rinching
7	Jun 22, 2024	Program pengumpulan ewaste di Stesen Minyak Petron Bandar Rinching	Stesen Minyak Petron Bandar Rinching

5.6 SAMBUTAN HARI OZON

Hari Ozon Sedunia disambut pada 16 September setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam berkaitan penipisan lapisan ozon dan perubahan iklim yang disebabkan oleh penggunaan bahan pemusnah ozon seperti chlorofluorocarbon (CFC) dan hydrochlorofluorocarbon (HCFC) serta bahan pengganti bahan pemusnah ozon iaitu hydrofluorocarbon (HFC) yang berpotensi menyebabkan pemanasan global. Tema bagi Sambutan Hari Ozon Sedunia tahun 2024 adalah “*Montreal Protocol: Advancing Climate Action*”. Sambutan Hari Ozon Sedunia telah diadakan secara bersekali dengan sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2024. Antara program yang telah diadakan sempena sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 5.7.

Jadual 5.7: Senarai Program Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Sep 7, 2024	Program Komuniti: Latihan Bomba Sukarelawan Dalam Pengurusan Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut	Kampung Johan Setia, Klang
2	Oct 5, 2024	Jom Kenali Tanah Gambut Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor	Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor
3	Oct 30, 2024	Ceramah Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon oleh Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat	Kolej Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Shah Alam
4	Oct 31, 2024	Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dan Hari Ozon Sedunia 2025	Kolej Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Shah Alam
5	Nov 13, 2024	Ops Gerak Kenderaan Bermotor Kebangsaan	RNR Awan Besar KESAS

BAB 5



Foto 5.7: Senarai Program Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor

5.8 SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada bulan September, Oktober dan November. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah melaksanakan dua belas (12) program bersempena HASN di peringkat Negeri Selangor seperti Jadual 5.7. Tema bagi Sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2024 adalah "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Program-program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Negeri, rakan strategik alam sekitar dan rakan alam sekitar. Program yang telah diadakan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2024 Peringkat Negeri Selangor adalah seperti di Jadual 5.8.

Jadual 5.8: Senarai Program Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Sep 4, 2024	Program Bomba Sukarelawan - Pengurusan Kebakaran Tanah Gambut	Johan Setia, Klang
2	Sep 28, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena HASN 2024 anjuran JAS Negeri Selangor Cawangan Gombak	SK Taman Melawati 2
3	Oct 2, 2024	Pertandingan Mencipta Lagu bertemakan Alam Sekitar	Secara atas talian
4	Oct 7, 2024	Pertandingan Pengumpulan e-waste (Kategori Sekolah)	Secara atas talian
5	Oct 5, 2024	Jom Kenali Tanah Gambut Hutan Simpan Raja Muda Musa, Kuala Selangor	Hutan Simpan Raja Musa, Kuala Selangor
6	Oct 12, 2024	Program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) bersama Rakan Alam Sekitar	Pantai Remis, Kuala Selangor
7	Oct 12, 2024	Program Bebas Beg Plastik – Pasar Pasir Penambang	Pantai Remis, Kuala Selangor
8	Oct 19, 2024	Program Enviro Hiking bersama Rakan Alam Sekitar	Hutan Simpan Komuniti Kota Damansara



BAB 5

BIL.	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
9	Oct 26, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena HASN 2024 anjuran JAS Negeri Selangor Cawangan Sepang	Masjid Jamek Sultan Hishamudin Bandar Baru Salak Tinggi
10	Oct 27, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena HASN 2024 anjuran bersama oleh JAS Negeri Selangor Cawangan Sabak Bernam dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Taman Alam Kuala Selangor
11	Oct 30, 2024	Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dan Hari Ozon Sedunia 2024	Kolej Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Shah Alam
12	Nov 21, 2024	Zoo Negara: Grow Project	Zoo Negara, Ampang



Foto 5.8: Program sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2024 Peringkat Negeri Selangor

5.9 PROGRAM PENGUMPULAN E-WASTE

Selaras dengan pengenalan Hari Pengumpulan E-Waste pada Sabtu terakhir setiap bulan bermula pada Januari 2021. Beberapa siri program pengumpulan e-waste telah diadakan sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran orang awam berkaitan kaedah pengurusan e-waste secara mesra alam dan membudayakan amalan kitar semula e-waste dengan kaedah yang betul. Sebanyak 13 program pengumpulan e-waste telah diadakan oleh JAS Negeri Selangor dan jumlah keseluruhan e-waste yang dikumpul adalah sebanyak 7,736.6 kilogram (kg). Program Pengumpulan E-Waste yang telah diadakan adalah seperti di Jadual 5.9.

Jadual 5.9: Senarai Program Pengumpulan E-Waste yang telah diadakan pada tahun 2024

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	Jan 30, 2024	Program Pengumpulan E-waste sempena Sabtu Terakhir Setiap Bulan	Wiswa Sunway, Shah Alam
2	Feb 24, 2024	Projek Perintis Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-WASTE) di Stesen-Stesen Minyak Terpilih	Stesen Minyak Petronas Kota Damansara 2
3	Mar 30, 2024	Projek Perintis Program Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (E-WASTE) di Stesen-Stesen Minyak Terpilih	Stesen Minyak Petronas Bandar Tasik Puteri, Rawang
4	May 18, 2024	Program Jom Lupus: E-Waste 2024 (Siri 9)	Balai Raya Kg Padang Jawa Petaling, Shah Alam
5	May 25, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena Hari Landskap Negara 2024	Taman Tasik Shah Alam
6	Jun 1, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena Hari Landskap Negara 2024	Taman Tasik Shah Alam
7	Jun 8, 2024	Program Jom Lupus : E-Waste 2024 (Siri 11)	Loji Pandu, Pengajian Kejuruteraan Kimia, Kolej Pengajian Kejuruteraan, UiTM Shah Alam



BAB 5

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
8	Jun 22, 2024	Program pengumpulan ewaste di Stesen Minyak Petron Bandar Rinching	Stesen Minyak Petron Bandar Rinching
9	Sep 20, 2024	Program Pengumpulan E-Waste di Sapura Energy Berhad	Sapura Energy Berhad
10	Sep 28, 2024	Program Pengumpulan E-Waste di SK Taman Melawati 2	SK Taman Melawati 2
11	Oct 26, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena HASN 2024 anjuran JAS Negeri Selangor Cawangan Sepang	Masjid Jamek Sultan Hishamudin Bandar Baru Salak Tinggi
12	Oct 27, 2024	Program Pengumpulan E-Waste Sempena HASN 2024 anjuran bersama oleh JAS Negeri Selangor Cawangan Sabak Bernam dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Taman Alam Kuala Selangor
13	Oct 7, 2024	Pertandingan Pengumpulan E-Waste sempena Hari Alam Sekitar Negara	Peringkat Negeri Selangor

2024



CERAMAH

53

PAMERAN



7

HARI BUMI

**HARI ALAM SEKITAR
SEDUNIA**

7



5

**HARI OZON
SEDUNIA**

**HARI ALAM SEKITAR
NEGARA**

12



13

**PROGRAM
PENGUMPULAN E-
WASTE**

5.10 LAIN-LAIN PERKHIDMATAN DAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Selain daripada aktiviti yang dinyatakan, JAS Negeri Selangor turut melaksanakan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti seperti dalam Rajah 5.3 yang merangkumi sebaran maklumat melalui pelbagai saluran iaitu Hari Bertemu Pelanggan, penyediaan sumber rujukan di Perpustakaan JAS Negeri Selangor dan peluang latihan industri kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi.



01 SEBARAN MAKLUMAT

Edaran Risalah dan promosi kesedaran alam sekitar melalui emel dan EKMC berhubung pencemaran air, udara, tanah, buangan terjadual, pembakaran terbuka, dan E-WASTE kepada sekolah / IPT, industri, orang awam, perunding dan pemaju projek dan kakitangan JAS Selangor

02 LATIHAN PRAKTIKAL PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Pendedahan kepada pelajar berkenaan Penguatkuasaan AKAS 1974, Pendidikan dan kempen kesedaran alam sekitar dan program pengawasan alam sekitar

03 HARI BERTEMU PELANGGAN (HBP)

Tujuan :

- Mendapatkan khidmat nasihat dan rundingan;
- Melaporkan aduan pencemaran;
- Memberi peluang kepada pelanggan bagi memberikan cadangan berkaitan dengan perkhidmatan; dan
- Maklumat lanjut tentang aplikasi Online Environment Reporting (OER) & Electronic Schedule Waste Information System (E-SWIS)

Rajah 5.3 : Lain-lain Perkhidmatan dan aktiviti Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar

PERPUSTAKAAN JAS NEGERI SELANGOR



SUMBER RUJUKAN

- LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING
- LAPORAN TAHUNAN
- BULETIN

DOKUMEN DIGITAL







RUANGAN SESI BERSAMA PELANGGAN



Foto 5.9: Perpustakaan Digital Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

RANGKUMAN AKTIVITI

2024











**Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam**

Tingkat 12 – 14, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor
Tel.: 03-5521 4000
www.doe.gov.my